Jilid I
Bil. 63

Hari Khamis
13hb November, 1975

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

## PARLIMEN KEEMPAT

*Fourth Parliament*

## PENGGAL PERTAMA

*First Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 7073]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 [Ruangan 7093]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 [Ruangan 7093]**

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

## PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 13hb November, 1975

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR:**

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

" Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).

" Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

" Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).

" Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).

" Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

" Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

" Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

" Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

" Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

" Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

" Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

" Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

" Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).

" Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).

" Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

" Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindastrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

„ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).

„ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).

„ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

„ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).

„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

„ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).

„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

„ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

„ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

„ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

„ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

„ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

„ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

„ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).

„ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).

„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).

„ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).

„ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

„ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

„ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).

„ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

„ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

„ TUAN OH KENG SENG (Petaling).

„ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).

„ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

„ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

„ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).

„ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).

„ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).

„ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).

„ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

„ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).

„ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).

„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.N. (Parit Buntar).

Yang Berhormat TUAN SU LIANG YU (Beruas).

„ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindastrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).

„ Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Pedas).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).

„ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).

„ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).

„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

„ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).

„ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).

„ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).

„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).

„ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).

„ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

„ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

„ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

## YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

# DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Rani bin Rahim.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Quah Mei Lan.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

# DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

# JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

## PEJABAT IMIGERESEN— RANCANGAN PENUBUHAN

1. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menubuhkan lebih banyak lagi pejabat-pejabat Imigeresen di negara ini memandangkan kepada kekurangan pejabat-pejabat tersebut dan bertambahnya tanggungjawab serta bebankerja kakitangannya; jika ya, nyatakan samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk memperbesarkan Pejabat-pejabat Imigeresen yang ada sekarang di Ipoh, Kuala Lumpur, Padang Besar, Kota Bharu dan Johor Bahru memandangkan bahawa pejabat-pejabat ini selalu sahaja penuh sesak dengan manusia. Samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk mengambil lebih ramai lagi pegawai-pegawai dan kakitangan imigeresen memandangkan kepada bertambahnya bilangan pelancung-pelancung asing melawat ke negara ini.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengkaji keperluan-keperluan rakyat dari semua segi dan demikian jugalah keperluan-keperluan imigeresen. Setelah kajian yang rapi dibuat dan jika difikir perlu diadakan Pejabat Imigeresen barulah ia akan ditubuhkan.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengkaji dan apabila dianggap sudah sampai masanya akan membuat sesuatu langkah bagi mengatasi kerumitan yang ada di Jabatan Imigeresen sekarang. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa bilik di Jabatan Imigeresen di Kuala Lumpur dipenuhi dengan fail-fail dan ada termasuk fail-fail sulit sebanyak 1,003 fail yang pada masa ini terletak di lantai pejabat tersebut kerana tidak ada tempat untuk menyimpan fail-fail itu dengan sempurna. Kalau sedar apakah langkah jangka pendek untuk mengatasi kerumitan yang ada sekarang?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan seumpama ini kelmarin dan saya telah menjelaskan Ibu Pejabat Imigeresen Kuala Lumpur akan dibina dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga, mungkin tahun hadapan sama-sama dengan kompleks Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Lumpur. Jadi, dalam jangka pendek fail-fail yang bersepah-sepah itu saya tidaklah tahu tetapi saya fikir tentulah pejabat yang berkenaan mengambil perhatian berat dalam soal ini.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini hanya di sembilan buah negeri luar didapati Pegawai Imigeresen ditempatkan untuk melayani perkara-perkara imigeresen. Saya hendak mengetahui samada ada rancangan Kerajaan untuk menambah Pegawai-pegawai Imigeresen untuk bertugas di negeri-negeri lain selain daripada sembilan buah negeri ini untuk kesenangan orang yang hendak datang ke Malaysia dan melayani perkara-perkara yang lain.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

## KEMUDAHAN GURU DI KAWASAN PENDALAMAN

2. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementeriannya sedar bahawa guru yang berkhidmat di kawasan pendalaman di negeri Kelantan mengalami masaalah tempat tinggal, masaalah air, api dan sebagainya dan akibat ini ada tuduhan bahawa guru ini mengajar hanya 3 hari seminggu saja. Jika sedar, apakah cadangan Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masaalah ini sebagai langkah jangka masa panjang.

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar bahawa masaalah kemudahan-kemudahan seperti rumah, api letrik, air pili, memang berlaku di sekolah-sekolah kawasan pendalaman di negeri

Kelantan. Keadaan seperti ini bukan sahaja berlaku di Kelantan tetapi juga berlaku di kawasan pendalaman di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Kerajaan sedar akan tuduhan-tuduhan yang menyatakan bahawa ada guru-guru di kawasan pendalaman di Kelantan mengajar hanya tiga hari seminggu. Kejadian ini berlaku kerana guru tidak sanggup tinggal berdekatan dengan sekolah. Mereka yang tinggal jauh dari sekolah di Ulu Kelantan terpaksa menaiki motobot—sewa yang hanya menjalankan perkhidmatannya dua tiga kali sahaja seminggu. Jikalaulah seseorang guru itu terlepas daripada "trip" pertama kerana sesuatu sebab, maka ia terpaksa menunggu "trip" yang kedua pula yang mungkin diadakan dua tiga hari terkemudian daripada trip yang pertama itu. Jabatan Pelajaran Kelantan akan mengambil perhatian mempastikan guru-guru yang berkenaan tidak lagi ketinggalan motobot di "trip" yang pertama itu.

Untuk mengatasi masaalah-masaalah ini, Kementerian Pelajaran akan cuba mengadakan segala kemudahan-kemudahan di manamana yang boleh. Negeri Kelantan telahpun mengamalkan satu dasar di mana pertukaran guru-guru dari ulu ke bandarbandar dibuat secara pusingan.

**Tuan Mohd. Zahari bin Awang:** Soalan di-Pertua. Tidakkah pihak Yang Berhormat Menteri sedar bahawa salah satu daripada langkah untuk mengatasi masaalah ini ialah dengan cara menempatkan kembali guruguru yang berasal daripada orang-orang tempatan umpamanya supaya dapat kita mengatasi perkara ini dengan segera.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, masaalah menempatkan balik guru-guru tempatan ini ke tempat mereka itu nampak pada mulanya adalah mudah. Tetapi guru-guru itu sendiri kadang-kadang tidak suka balik berdiam di tempat kampung mereka sendiri kerana mereka berpendapat bahawa mereka juga berhak untuk tinggal di bandar-bandar di mana kemudahan-kemudahan adalah lebih baik daripada kampung mereka sendiri.

## KEMATIAN DISEBABKAN OLEH SAMSU

3. **Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar** (*di bawah S. O. 24* (*2*)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan kematian disebabkan oleh samsu tahun demi tahun bagi seluruh Negara Malaysia.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan kematian disebabkan oleh samsu tahun demi tahun seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| 1973 ... ... ... | Tidak ada |
| 1974 ... ... ... | 7 orang India |
| 1975 hingga 30-9-75 ... | 2 orang India |

## RAKYAT DI SEMPADAN THAILAND DIGANGGU

4. **Tuan Loh Fook Yen** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar rakyat kawasan utara yang dekat sempadan Thailand selalu diganggu dan dikacau oleh anasir-anasir jahat dari Selatan Thailand, seperti diculik dan dirompak, jika ya, apakah tindakan keselamatan telah diambil untuk mengawal rakyat di kawasan-kawasan itu.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian jenayah di Thailand berlaku di kawasan utara yang berdekatan sempadan Thailand. Tetapi tidaklah benar bahawa rakyat di situ selalu diganggu dan dikacau oleh anasir-anasir jahat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Anasir-anasir jahat tempatan pun ada. Pada umumnya, keselamatan di sempadan Malaysia/Thailand adalah terkawal. Pihak berkuasa Malaysia dan Thailand mempunyai kerjasama yang rapat untuk menolong Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia/Thailand untuk mengawal kegiatan-kegiatan anasir-anasir jahat yang dilakukan di antara sempadan kedua negara seperti Peraturan Patrol Sempadan, mengawal kegiatan haram di sempadan perairan Thailand/Malaysia. Selain dari itu, di pihak kita pula dilaksanakan rondaan-rondaan oleh pihak Polis dan Pasukan Keselamatan di tempat-tempat tertentu serta mengadakan sekatan jalanraya dan serbuan mengejut di tempat-tempat yang disyaki menjadi tempat perlindungan penjenayah dan juga rondaan dari yunit-yunit RELA.

## JURURAWAT MALAYSIA DI UNITED KINGDOM

**5. Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat lebih kurang 5,000 jururawat-jururawat pelatih Malaysia di United Kingdom sahaja dan nyatakan samada Kementerian beliau akan menawarkan syarat-syarat yang memuaskan untuk memujuk mereka kembali dan berkhidmat di hospital-hospital kita dan juga membantu menyelesaikan kekurangan jururawat-jururawat.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok. Yew):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pada masa ini di United Kingdom dianggarkan ada lebih kurang 5,000 orang Jururawat dan Jururawat Pelatih Malaysia. Dan sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa di waktu ini boleh dikatakan pada tiap-tiap bulan, Kementerian saya menerima di antara 25 hingga 30 permohonan daripada jururawat-jururawat yang berkelulusan dari luar negeri untuk mendapatkan perkhidmatan dalam Kementerian saya.

Kementerian saya mengalu-alukan mereka itu balik ke tanahair kita dan seboleh-bolehnya Kementerian saya berusaha dan berikhtiar untuk menerima dan melantik mereka ke dalam jawatan-jawatan di Kementerian saya dengan syarat-syarat perlantikan yang ditetapkan. Syarat-syarat perkhidmatan yang diberikan adalah sama dengan syarat perkhidmatan yang dinikmati oleh jururawat-jururawat kelulusan Sekolah-sekolah Latihan Jururawat di Malaysia. Saya percaya bahawa syarat-syarat perkhidmatan yang sedia ada itu adalah memuaskan dan kami tidak ada cadangan untuk memberikan syarat-syarat lain daripada itu.

Suka juga saya memaklumkan di sini bahawa jururawat-jururawat yang kembali ke tanahair kita mula-mulanya akan dilantik oleh Kementerian Kesihatan sebagai Jururawat Sementara, mengikut surat penurunan kuasa perlantikan yang diberikan kepada Kementerian saya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Seterusnya, jururawat-jururawat itu akan diperakukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk dilantik tetap sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat di dalam Sekim Perkhidmatan. Mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat di dalam Sekim Perkhidmatan pula, akan dilantik sebagai Jururawat Kontrek selama dua atau tiga tahun. Jika mereka dilantik di dalam jawatan kontrek kerana kekurangan syarat-syarat kelayakan yakni tidak lulus dalam Bahasa Malaysia, maka mereka itu bolehlah belajar Bahasa Malaysia dalam tempoh kontrek itu. Apabila mereka sudah lulus dalam Bahasa Malaysia mereka akan diperakukan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk dilantik ke jawatan tetap. Kalaulah mereka masih tidak lulus Bahasa Malaysia, mereka akan terus berkhidmat dalam kontrek.

Kekurangan jururawat-jururawat dan Penolong Jururawat di waktu sekarang ini tidaklah begitu buruk seperti tiga atau empat tahun yang lepas, kerana dengan bertambahnya sekolah-sekolah latihan yang dibina oleh Kerajaan, banyak jururawat-jururawat yang telah keluar dari sekolah-sekolah tersebut untuk mengisikan kekosongan jawatan-jawatan yang diperlukan.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedar dengan tidak memanggil balik jururawat-jururawat ini kita telah rugi 5,000 orang gadis jelita rakyat Malaysia.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ini bukan soalan tambahan, sebab Yang Berhormat Menteri sudah jawab, bukan tidak hendak panggil balik, tetapi mereka tidak hendak balik.

## ORANG TAHANAN

**6. Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sehingga 30hb September, 1975; dengan memberi bilangan pelajar dan pensyarah yang ditahan.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sehingga 30hb September, 1975 ialah 303 orang dan dari bilangan ini hanya empat orang pelajar dan seorang pensyarah.

## SAHAM PERNAS—HAW PAR INTERNATIONAL

**7. Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam memberi sebab-sebab mengapa rancangan Syarikat PERNAS Securities Sdn. Bhd. membeli saham-saham Haw Par International gagal.

**Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perundingan antara Haw Par Brothers International dengan PERNAS Securities Sdn. Bhd., merupakan satu perjanjian Jual dan Pindah-milik harta antara kedua pihak yang berkenaan, dalam mana PERNAS dan Haw Par, setelah mengadakan beberapa perundingan, bersetuju dengan syarat dan peraturan jual-beli tersebut.

Rundingan tersebut berupa satu bentuk perniagaan dan dijalankan secara bebas antara PERNAS Securities dan Haw Par. Kedua-dua syarikat ini sedar sepenuhnya mengenai faedah jangka pendek dan juga jangka panjang yang didapati oleh mereka dan juga yang didapati oleh Malaysia.

Dalam mempersetujukan perundingan tersebut, PERNAS sebenarnya bertujuan mendapatkan penguasaan secara berkesan (effective control) ke atas London Tin. London Tin ialah sebuah syarikat perlombongan Bijih Timah yang besar di dunia dan kebanyakan hartanya adalah di Malaysia. Oleh yang demikian, adalah sangat menasabah bagi PERNAS membuat perundingan itu dengan Haw Par. Dalam mempersetujukan perundingan ini, PERNAS telah mengambil pertimbangan semua faktor, termasuk nilai harta Haw Par, di mana rosotan nilai harta Haw Par telah diperhitungkan, dan juga satu ruang keselamatan (safety margin) telah diperuntukkan dalam pelaburan itu.

PERNAS telah juga mendapatkan nasihat undang-undang mengenai segala perkara yang berkaitan dengan Singapore Code on Take-overs and Mergers dan telah dinasihatkan bahawa syarat dan peraturan Code itu tidak menghalang cadangan jual-beli itu. Walau bagaimanapun, pihak Singapore Securities Industry Council telah mensyaratkan bahawa Code itu meliputi cadangan jual-beli tersebut dan telah memberitahu PERNAS supaya berusaha membeli semua saham Haw Par. Oleh itu, PERNAS telah menimbangkan bahawa dengan keadaan itu, cadangan tersebut tidaklah berfaedah dari segi perniagaan. Oleh yang demikian, PERNAS dengan kemahuannya sendiri telah menarik diri daripada perundingan itu.

## PERKHIDMATAN FERI DI KUALA SELANGOR

**8. Tuan Richard Dampeng anak Laki** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau akan menimbangkan perkara-perkara yang berikut dengan tujuan untuk membaiki perkhidmatan feri di Kuala Selangor dan di Pasir Penambang:

(*a*) menggantikan feri-feri yang lama dengan yang baru dan moden; dan

(*b*) mengadakan lebih banyak perkhidmatan untuk menampung keadaan lalu-lintas yang bertambah.

**Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan feri di antara Kuala Selangor dan Pasir Penambang adalah untuk sementara waktu sahaja sehingga siapnya jambatan Kuala Selangor yang baru. Feri-feri yang menjalankan perkhidmatan sekarang adalah dalam keadaan yang memuaskan dan Kerajaan belum ada rancangan lagi untuk menggantikannya dengan feri-feri yang baru dan moden sebagaimana dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pada keseluruhannya, perkhidmatan feri menyeberangi sungai ini adalah memuaskan, hanya satu masaalah yang dihadapi oleh perkhidmatan feri-feri ini pada masa sekarang iaitu berlakunya pengenapan ataupun silting di kawasan pengkalan bahagian Kuala Selangor yang telah menyebabkan pelampung feri tidak dapat berlabuh di pengkalan dan menyebabkan tergendalanya perkhidmatan feri selama satu atau dua jam sehari. Ini sering berlaku dalam masa 14 hari setiap bulan, walau bagaimanapun langkah-langkah pengorekan telah dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya dan apabila kerja pengorekan ini siap kelak perkhidmatan feri akan berjalan dengan lancar semula. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kerja Raya adalah sentiasa mengawasi perkhidmatan feri ini dan jika sekiranya didapati perlu perkhidmatan feri ini akan diperbaiki lagi.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan pada bulan Julai, 1975, di masa soalan yang dikemukakan oleh saya, Timbalan Menteri bersetuju bahawa keadaan feri di Kuala Selangor tidak memuaskan dan Yang Berhormat berjanji iaitu feri-feri dan bot-bot dari Jerantut sesudah siap sahaja jambatan di Jerantut akan dibawa dan dipindahkan ke Kuala Selangor untuk memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa janji-janji itu masih juga belum ditunaikan. Kalau sedar, bilakah masanya perkara ini akan dilaksanakan?

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan apa yang saya telah menyatakan di dalam Dewan ini dahulu dan perkara itu masih dalam timbangan dan saya akan tunaikan sedaya-upaya saya.

## TEKTIK PASUKAN KAWALAN KEAMANAN

**9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa pengetahuan segi tektik yang ada pada pasukan-pasukan kawalan keamanan, penyiasat-penyiasat jenayah dan lain-lainnya adalah tidak memadai berbanding dengan putar belit dan kepintaran penjenayah-penjenayah dan pengkhianat dalam negeri ini. Jika sedar, adakah Kerajaan akan menyusun semula kursus-kursus pengajaran dan latihan peraktik supaya mereka akan dapat menjalankan tugas mereka dengan berkesan.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah lebih merupakan tuduhan yang kurang tepat. Kalau dibandingkan kejayaan pihak Polis dengan pihak penjenayah tidak syak lagi pihak Polis lebih berhasil. Sebab beberapa kes belum lagi dapat diselesaikan, ini bukanlah bermakna yang Polis tidak berjaya kerana tidak ada had masa bagi tindakan undang-undang dilaksanakan. Pihak Kerajaan sentiasa mengambil langkah yang tegas dan praktikal untuk memperbaiki tektik dan menambahkan lagi pengetahuan anggota-anggota pasukan keselamatan bagi membanteras segala kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh penjenayah-penjenayah dan pengkhianat negara. Umpamanya, kejadian ala-J.R.A. pada 12hb November, 1975 di Tiong Nam Hotel di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, membuktikan Polis cukup berupaya dari segi pemikiran, tektik dan kecekapan untuk mematahkah kegiatan jenayah.

## PROJEK PERUMAHAN

**10. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah** minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan adakah pihak Kementerian beliau telah menubuhkan sebuah ejensi bertanggungjawab tentang beberapa fungsi projek-projek perumahan samada di peringkat pusat atau negeri, dan jika ya, berikan butir-butir tujuan-tujuan dan matlamatnya.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa di peringkat pusat Kerajaan sedang menubuhkan sebuah Jabatan Perumahan Negara yang akan diletakkan di bawah naungan Kementerian saya. Jabatan ini akan mengandungi tiga Bahagian iaitu:

(i) Bahagian Penyelarasan dan Perlaksanaan Projek yang akan diisi dengan kakitangan-kakitangan teknikal dan profesyenal, khususnya untuk melaksanakan sebarang sekim perumahan yang dirancang oleh Kementerian, termasuk Sekim Pinjaman Perumahan di bawah peruntukan Tabung Pusingan. Bahagian ini juga akan memberi bantuan dan nasihat teknikal dan pengurusan kepada badan-badan awam dan swasta yang bersangkut-paut dengan kemajuan perumahan;

(ii) Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Teknikal yang akan ditugaskan untuk membuat penyelidikan ke atas bahan-bahan pembinaan, teknik dan teknoloji bangunan, rekaan rumah dan rumah pangsa, infrastruktur dan sebagainya. Selain daripada itu Bahagian ini juga akan menyelidik aspek-aspek sosial di projek-projek perumahan yang sedia ada bagi memperbaiki qualiti projek-projek baru dan lama serta juga mengkaji tentang daya pengeluaran tenaga kerja dalam bidang

pembinaan untuk meninggikan daya pengeluaran tenaga kerja dalam sesuatu projek perumahan; dan

(iii) Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasa yang akan ditugaskan untuk mengawas projek-projek perumahan awam yang dikelolakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau ejensi-ejensi pusat dengan bantuan kewangan dan/atau teknikal dari Kerajaan Persekutuan, serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah Akta (Mengawal & Melesen) Pemaju Perumahan, 1966 dan Kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya.

Saya juga suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu di Peringkat Negeri projek-projek perumahan awam kos rendah yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan adalah dilaksanakan oleh ejensi-ejensi Kerajaan Negeri seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Suruhanjaya-suruhanjaya Perumahan di negeri-negeri berkenaan.

## KETEPATAN PERJALANAN TEREN

**11. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perhubungan menyatakan secara detail langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk memperbaiki perkhidmatan keretapi di negara ini.

**Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, setiap usaha telah dan sedang dibuat untuk memperbaiki lagi ketepatan perjalanan teren-teren dengan membaiki jalan keretapi yang telah rosak akibat penangguhan kerja penyelenggaraannya selama beberapa tahun.

Sejak dari akhir tahun lepas, lebih kurang 6 teren-teren tambahan diadakan antara Butterworth dan Singapore dalam masa hari-hari perayaan dan cuti sekolah untuk membawa penumpang-penumpang yang kian bertambah. Teren-teren penumpang biasa pula ditambah dengan koc-koc tambahan dimasa-masa seumpama itu, dan Keretapi Tanah Melayu telah memulakan perkhidmatan Ekspres Taufan pada bulan Oktober lalu ketika perayaan Hari Raya, dan akan terus diadakan pada setiap musim-musim perayaan. "Block" ticket bookings akan dimulakan juga untuk murid-murid sekolah di masa percutian penggal.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak menguntungkan yang mana telah dihentikan di Pantai Timur, Kedah, Pelabuhan Kelang dan Cawangan Batu Caves telah diadakan semula, terutamanya oleh sebab-sebab sosial dan keperluan orang ramai, dan telah mendapat sambutan yang sangat baik. Perkhidmatan-perkhidmatan teren komuter antara Singapura dan Johor Bahru telah dimulakan pada 15hb Oktober, 1975 untuk kemudahan pengguna-pengguna. Kajian juga sedang dijalankan untuk kemungkinan mengadakan perkhidmatan teren komuter antara Kuala Lumpur dengan Segambut.

Kementerian telah menubuhkan satu komiti untuk mencari jalan bagi Keretapi Tanah Melayu mendapat bahagian yang lebih besar membawa barang-barang dari pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia. Kerana di sinilah terletaknya kekurangan yang besar yang dialami dalam pengangkutan keretapi Tanah Melayu. Keretapi Tanah Melayu akan menambah perkhidmatan terennya menjadi 60 perkhidmatan pada tiap-tiap hari, berbanding dengan 45 perkhidmatan teren yang dijalankan sekarang, dan juga sedang membuat rancangan-rancangan untuk membuat sendiri koc-koc di Bengkel Sentul bagi menambah kekurangan koc-koc penumpang yang ada sekarang ini, dan memajukan kecekapan.

Landasan Cawangan Port Dickson sedang diatur dan diperkuatkan semula untuk menambah kelajuan dan muatan teren. Sejumlah M$17 juta telah diperuntukkan untuk projek ini.

Satu langkah yang ditetapkan telah dijalankan untuk melicinkan lagi pusingan dan penggunaan gerabak-gerabak dengan sepenuhnya dengan mengadakan teren-teren jarak jauh, tanpa berhenti di yad-yad atur. Pengawasan rapi dilakukan ke atas gerabak-gerabak yang sedang membawa muatan lebih dari yang dihadkan, dan perkara ini telah dikatakan tidak berlaku lagi sekarang.

Satu kajian sedang dibuat untuk memperbaiki sistem persemboyanan dan perhubungan seperti perkhidmatan-perkhidmatan Teleprinter dan perhubungan ketepatan dan keselamatan teren-teren serta perhubungan.

Satu kempen yang dikenali sebagai "Minggu Keretapi" telah dijalankan dari 25 hingga 30hb Ogos, 1975, dan mendapat kejayaan yang baik, dengan tujuan merapatkan hubungan Keretapi dengan orang ramai dan menambahkan di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan keretapi perasaan tanggungjawab terhadap orang ramai dan untuk meninggikan lagi imej keretapi pada pandangan pengguna-penggunanya, serta mensebatikan lambang perkhidmatan keretapi kepada orang ramai iaitu "Kepada Rakyat Kita Berkhidmat".

Sebanyak 34 buah koc-koc baharu telah dipesan. Dengan kedatangan koc-koc baharu itu nanti, keselesaan penumpang akan menjadi bertambah baik, terutama koc-koc kelas tiga pun akan dibekalkan dengan alat pendingin.

**Tuan Mohd. Zahari bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berasa syukur di atas keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas ikhtiar-ikhtiar yang diambil untuk membaiki perkhidmatan keretapi, tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dalam musim haji baru-baru ini terdapat penumpang-penumpang daripada Tumpat ke Kuala Krai dan seterusnya Kuala Lipis dalam teren telah duduk seperti sardin. Jikalau sedar, apakah ikhtiar yang telah dibuat oleh pihak Kementerian untuk mengatasi perkara yang berlaku baru-baru ini?

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu sendiri sedar bahawa saya telah berbincang dengan beliau sendiri di dalam kawasan pilihanrayanya di Kuala Krai tentang masaalah-masaalah keretapi dan cara-cara mengatasi masaalah keretapi di Pantai Timur khususnya, dan sebab itulah pada masa ini koc-koc baru dipesan untuk mengatasi kekurangan koc-koc yang ada. Dalam masa musim haji, oleh kerana ramai orang-orang yang hendak menghantar orang haji, tidak dapat tidak berlaku kesesakan dalam keretapi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan apa kejayaan yang konkrit yang telah dicapai selepas dilancarkan Kempen Minggu Keretapi?

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu kesan yang timbul daripada Kempen Minggu Keretapi ialah persefahaman yang lebih rapat antara orang ramai dengan keretapi dan lebih banyak masaalah-masaalah orang ramai yang dapat disampaikan dengan terus kepada pihak kakitangan keretapi, dan dengan itu maka dapatlah segala kesulitan-kesulitan itu diatasi oleh pegawai-pegawai keretapi pada tempat-tempat yang berkenaan.

## JAMBATAN KUALA SELANGOR

12. **Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau telah melawat rancangan pembinaan jambatan Kuala Selangor sebagaimana diumumkan oleh beliau dahulu, jika ya, mengapa Wakil-wakil Rakyat tempatan tidak diberitahu dan sila beri lapuran dan padangan beliau terhadap rancangan yang tergendala itu.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, ya. Saya telah membuat lawatan kepada projek yang telah ditimbulkan. Sebab-sebab mengapa saya tidak menjemput Wakil-wakil Rakyat tempatan ketika lawatan tersebut ialah memandangkan bahawa masaalah-masaalah berkaitan dengan pembinaan jambatan tersebut telahpun dimajukan oleh Wakil-wakil Rakyat tempatan, samada di Parlimen mahupun di akhbar-akhbar. Tambahan pula lawatan saya itu adalah merupakan kegiatan dalam Jabatan (Departmental) sahaja. Juga kerana terlalu sebok dengan berbagai-bagai urusan maka lawatan saya telah dibuat dengan tidak dijadualkan terlebih dahulu seperti lazimnya. Bahkan banyak lawatan lainpun telah dibuat di lain-lain tempat juga kerana tidak sempat menyusunkan jadual dan saya suka memberi jaminan kepada rakan saya Yang Berhormat itu tidaklah Kementerian saya berniat hendak mengecil-mengecilkan Wakil Rakyat di situ, tetapi mungkin dirasai lawatan itu tanpa pengetahuan wakil-wakil tempatan tidak betul dari segi protokol dan atas kesilapan ini, saya suka meminta maaf dari rakan saya Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan lapuran yang diminta itu, saya sukalah memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa kontrek pembinaan

jambatan tersebut telah dibatalkan pada 13hb Ogos, 1975 oleh sebab pemborong yang berkenaan telah gagal untuk menyiapkan projek tersebut. Kegagalan ini adalah disebabkan oleh masaalah kewangan dan kenaikan harga bahan-bahan binaan. Lapuran yang penuh mengenai kerja-kerja yang telah siap dan juga bahan-bahan binaan yang terdapat di kawasan pembinaan baru sahaja diterima dan langkah telah diambil untuk menggabungkan dokumen asal yang telah ditender untuk dipanggil semula. Tawaran akan dipanggil semula pada akhir tahun ini ataupun awal tahun 1976.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila tender dibuka adakah penender yang telah gagal itu diberi semula untuk meneruskan kerjanya itu?

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak.

## MELUCUTKAN KEWARGANEGARAAN

**13. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan telah menarik balik Sijil Kerakyatan dari warganegara Malaysia yang telah didapati salah oleh Mahkamah di Malaysia dalam kegiatan subersif dan lain-lain kegiatan ganas.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini seramai 45 orang warganegara Malaysia telah dilucutkan kewarganegaraannya bersabit dengan kesalahan dan menerima hukuman di mahkamah atas kegiatan-kegiatan subersif dan lain-lain kegiatan ganas.

## KESULITAN PERHUBUNGAN PENDUDUK ULU BESUT

**14. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil dalam usaha mengatasi masaalah dan kesulitan perhubungan, ekonomi dan sosial yang dialami oleh penduduk-penduduk Ulu Besut semenjak beberapa bulan yang lepas akibat dari penutupan empangan besar di Kuala Krian dalam Rancangan Perairan Besut. Jika ada rancangan hendak membayar sebarang pampasan dan gantirugi, bilakah bayaran tersebut akan dikeluarkan kepada mereka yang terlibat.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, apabila sahaja kejadian ini berlaku perjumpaan-perjumpaan telah diadakan dengan penduduk-penduduk yang terlibat telah memohon bantuan yang diperlukan oleh mereka. Keluarga-keluarga yang terlibat telah memohon bantuan wang daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat selepas menjalankan penyiasatan telah memberi bantuan wang kepada tiga keluarga, satu daripada keluarga-keluarga ini kemudiannya telah ditempatkan ke dalam Rancangan FELDA di Chalok.

Mengenai masaalah perhubungan telah dipastikan bahawa perhubungan tidaklah terputus samasekali oleh kerana perahu-perahu sedia ada untuk menyeberangi Sungai Besut. Walaupun demikian tindakan sedang diambil oleh Jabatan Parit dan Taliair untuk menyediakan bot-bot yang lebih sesuai di empat tempat sepanjang sungai itu. Bot-bot tersebut akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung.

Bagi memulihkan bahagian-bahagian jalan kampung yang biasanya digunakan oleh penduduk-penduduk di kawasan itu lapan buah titian akan dibina. Bahan-bahan binaan bagi membina enam buah titian itu akan disampaikan kepada Jawatankuasa Kampung tidak lama lagi untuk dilaksanakan secara bergotong-royong. Dua buah titian yang lebih besar sedikit akan dibina oleh Jabatan Parit dan Taliair.

Selain daripada itu sebatang jalan sedang di dalam pembinaan daripada Padang Baluh menuju ke Ampang Jajar Besut bagi membolehkan penduduk-penduduk keluar masuk dengan tidak menggunakan bot. Di samping itu kerja menyukat untuk menentukan luas kawasan yang ditenggelami air sedang diuruskan.

Urusan-urusan pengambilan tanah bagi tanah-tanah yang tidak dapat diselamatkan akan diambil sebaik-baik sahaja peta-peta dapat disediakan. Pembayaran gantirugi

akan dibuat kepada mereka yang tanahnya diambil bagi kawasan-kawasan yang dapat diselamatkan.

Penyiasatan sedang dibuat untuk menentukan samada rancangan saliran dapat diadakan.

## UCAPAN MENGHASUT AHLI M.C.A.

**15. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menjelaskan samada benar bahawa seorang ahli M.C.A. dari Negeri Sembilan yang telah membuat ucapan menghasut telah disiasat oleh Polis dan perkara tersebut telah dipanjangkan kepada Peguam Negara untuk siasatan lanjut. Jika benar, nyatakan mengapa tindakan undang-undang tidak diambil terhadap orang itu dan samada salinan ucapan tersebut boleh diberikan kepada beliau (Tuan Oh Keng Seng).

**Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa siasatan Polis telah dijalankan ke atas perkara yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat dan saya sendiri telah meneliti kertas siasatan Polis itu. Mengikut hal keadaan kes itu, saya rasa tidaklah patut (justified) untuk saya teruskan dalam mahkamah. Saya tidak bercadang hendak memberi satu salinan ucapan itu kepada Ahli Yang Berhormat.

## KEKURANGAN BEKALAN AIR KEPONG BHARU

**16. Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim** (*di bawah S.O. 24* (*2*)) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar penduduk-penduduk di Kepong Bharu, Jinjang, Taman Kepong dan Desa Jaya selalu tidak mendapat bekalan air kadang-kadang selama tiga hari, jika ya, nyatakan tindakan yang diambil oleh Kementeriannya untuk mengatasi kekurangan air tersebut.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang sama telah saya berikan dalam Dewan ini ketika menjawab soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat dari Selayang pada 27hb Oktober, 1975.

## TAKUNGAN AIR CHANGKAT LADA

**17. Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa sebuah Tempat Takungan Air di Changkat Lada yang dibina pada tahun 1967 tidak digunakan langsung, jika ya, nyatakan bila bekalan air akan disediakan kepada penduduk-penduduk di kawasan padi itu dan kawasan yang berhampiran dengannya.

In view of the fact that Government proposes now that under the new Real Property Gains Tax to exempt private residences for purposes of taxation, I urge the Government to seriously consider including under incidental cost, which will be equivalent and will be accounted for, firstly, assessment rates that are being paid, secondly, quit rents that are being paid on private residences; and thirdly—I am not very sure about this because the terminology used is items that are considered exempt from income tax—whether or not it would take into account housing loans which many of the present owners of private residences still have to bear either directly to commercial banks or to institutions which have given them these loans: these interest rates should also be taken into account. Whatever it is, I suggest that because that assessment rates and quit rents are constitutionally part of the tax burden which the individual citizen has to bear, now that Government intends to exempt private residences from the Real Property Gains Tax, that for purposes of calculation, assessement rates and quit rents which genuinely go towards the accruing of prices of residences and housing should also be taken into account and therefore be exempt for tax purposes.

Sir, I hope that the proposals that I have made will be considered by Government and I feel certain that it will help greatly to ensure that, whilst the people would bear and meet the challenge of increased burden of taxation, the benefits that will accrue to the people will be more equitably distributed.

I would like to end, Sir, by briefly touching on the proposed estimates for development. Here I would only ask Government to consider seriously that in our search for solutions to the problem of poverty, the solutions of providing more land and providing more housing either in the rural areas or in the urban areas must be equated to livelihood. There is not much point in providing land which will not bring adequate income to the people and there is no real purpose in the objective of providing housing in areas where people cannot secure a new livelihood or a better livelihood than what they have hitherto enjoyed. Under the circumstances, Sir, I would urge the Government seriously to consider implementing the policy of "berkelompok" co-operatives as what it is called in the Buku Hijau, so that in establishing new land for our people, such land co-operatives will be established in a manner whereby those moving out into new rural areas will be ensured of a real income and a real livelihood. Similary, in housing that will arise in the new urban areas, the Government must be certain that the housing will carry with it commercial or industrial potentials that will provide livelihood to these new centres of urban growth.

Sir, I am certain that with the Government's close understanding of the people's difficulties, this very easy soft Budget will receive the support of the people. Nevertheless, I hope that this soft easy going Budget will not be just the continuing of old traditional methods of beginning to make more holes in our pockets, holes from which as you put in more money, more will drop out. Let us be sure, Sir, that the developments that we are intending to bring to the people through the new Budget proposals, are clearly and definitely directed towards achieving the objectives of the Third Malaysia Plan. Sir, it is very important for us to appreciate that the Government in its effort to restructure society will bring about a more equitable redistribution of income and that being the objective, I would like to end up by once again specifically appealing for the people of Penang who will have to bear this new tax burden more heavily than others, but generally for all the people in Malaysia, that

in the spirit that we are venturing into the Third Malaysia Plan, the Government will seriously consider implementing the new proposed import duties at a later date to coincide with the introduction of the Third Malaysia Plan. After all, the proposals only bring about $1 million, $2 million or $3 million and as a Budget exercise, they are interesting, but I am sure for the confidence of the people in the Government a loss of $3 million, $4 million or $5 million is immaterial because we must have the people behind us as we move forward into the future. Sir, I appeal to the Government to seriously look into implementing these proposals after the festive period.

*4.36 ptg.*

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Anggaran Perbelanjaan Perbekalan, 1976 dan suka juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah mengumumkan satu Anggaran Belanjawan yang tidak menyusahkan rakyat biasa. Anggaran Belanjawan pada tahun ini jelas nampaknya Kerajaan benar-benar simpati dengan rakyat yang miskin yang berpendapatan rendah iaitu dengan mengenakan cukai ke atas barang-barang mewah yang hanya dinikmati oleh golongan yang berada. Di dalam negara yang tidak kurang orang-orang yang susah yang terdapat di kampung-kampung dan juga kawasan-kawasan susah di bandar kita patut jangan pula lupa bahawa kekayaan yang dinikmati oleh segelintir rakyat yang kaya tidak akan lama riwayatnya jika kiranya rakyat yang miskin dibiarkan miskin. Pengorbanan sedikit oleh golongan yang berada untuk membolehkan rakyat yang miskin menikmati kemudahan-kemudahan negara melalui projek-projek Kerajaan adalah sangat wajar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mendengar ucapan Anggaran Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya tertunggu-tunggu hendak mendengar cukai selanjutnya yang dikenakan kepada orang-orang yang mampu. Di sini saya maksudkan dengan cukai ke atas minuman keras dan tembakau. Apa yang saya harap kalaupun tidak cukai yang ditambah ke atas bahan-bahan tempatan melalui cukai eksais, tetapi sekurang-kurangnya cukai impot ke atas bahan-bahan tersebut yang diimpot. Rasa saya tidaklah keterlaluan untuk menaikkan lagi cukai impot ke atas minuman keras yang mana membawa banyak keburukan kepada manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh sedikit mengenai bonos, walaupun di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan menggantungkan bayaran bonos sebulan gaji kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan kakitangan-kakitangan Kerajaan dan tidak disediakan untuk Anggaran Belanjawan, 1976 saya suka merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan semula perkara ini dengan sebaik-baiknya. Kalau pun bonos tidak dapat diberikan kepada semua kakitangan Kerajaan, pertimbangan hendaklah diberi kepada mereka yang berpendapatan kurang daripada $1,000 atau pun ke bawah $500 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan di dalam usaha keselamatan dan pertahanan. Saya yakin bahawa setiap rakyat tidak keberatan sekiranya bila-bila masa Kerajaan terpaksa menambahkan peruntukan lagi selain daripada apa yang diperuntukkan di dalam Anggaran Perbelanjaan, 1976 ini. Sepertimana yang kita semua maklum keadaan keselamatan negara kita pada hari ini merupakan perhatian yang berat oleh segenap lapisan rakyat. Keselamatan negara patut didahulukan dari segala-galanya kerana semua pembangunan tidak dapat dijalankan sekiranya keadaan keselamatan negara tidak terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, di samping ini saya berharap supaya Kerajaan jangan selalu terikut dengan soal keselamatan ini sehingga akan boleh menjejaskan pembangunan negara dan matlamat Dasar Ekonomi Baru kita. Pihak kominis dan golongan-golongan anti-nasional memangnya hendak sabatoj akan perjuangan kita menghapuskan kominis itu dan menyusun semula masyarakat. Dengan cara yang demikian mereka berharap supaya rakyat kekal dengan keadaan kemiskinan dan akan timbullah perasaan tidak puas hati terhadap pemerintah. Dengan ketiadaan rasa puas hati itu dan kemiskinan di kalangan rakyat inilah yang mereka harapkan akan dapat mereka menipu rakyat dan menghasut rakyat.

Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa kita tidak boleh membuktikan taraf ekonomi baru 30% pada tahun 1990 kalaulah matlamat ini tidak tercapai. Saya suka memberi ingatan kepada semua pihak, samada pihak Kerajaan ataupun golongan anti-nasional ataupun golongan-golongan itu bahawa bumi Malaysia ini tidak terselamat untuk kita hidup, dengan lain-lain perkataan, keteguhan negara ini pada masa hadapan adalah bergantung kepada sejauh manakah berjayanya kita menyelenggarakan pembahagian harta yang adil di kalangan rakyat kita sepertimana yang terdapat di dalam Dasar Ekonomi Baru. Saya terpaksa menyebut perkara ini kerana memandangkan perkara-perkara keganasan yang berlaku pada hari ini nampaknya ada terdapat juga motif hendak melumpuhkan usaha-usaha kita di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita bagi tahun 1976 itulah tahun negara kita akan memasuki gerbang pembangunan bagi peringkat lima tahun yang ketiga. Sepertimana kita sedia maklum, tiap-tiap anggaran perbelanjaan yang dibuat bagi satu-satu tahun hendaklah selaras dengan matlamat Kerajaan bagi tiap-tiap rancangan kemajuan lima tahunnya. Tiap-tiap rancangan lima tahun itu pula seharusnya diselaraskan dengan kehendak-kehendak dan dasar Kerajaan. Dalam hal ini saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada salah satu dasar dan matlamat Kerajaan kita yang boleh dikatakan tidak pernah lahir dengan jelasnya di dalam anggaran perbelanjaan, iaitu masaalah perkembangan ugama Islam di negara kita ini seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang difahamkan dari semangat Perlembagaan negara dan diikuti pula dengan falsafah hidup Rukunegara kita, pihak Kerajaan seharusnya menyusun satu rancangan yang bersungguh-sungguh dan lengkap meliputi semua aspek kehidupan untuk mewujudkan satu bentuk masyarakat dan negara yang berpegang teguh kepada asas-asas ketuhanan yang maha esa dan luhur yang tidak sahaja di kalangan rakyat malah dengan meresap ke segenap sendi jentera pentadbiran negara sendiri. Kita tidak mahu unsur-unsur hidup bertunaskan keislaman hanya dijadikan tablo untuk ditutur, samada pembukaan rasmi pertandingan membaca Al-Quran sekali setahun kita tidak mahu syiar Islam hanya lahir dibibir mulut ahli-ahli pidato dan ucapan-ucapan yang dibuat dengan penuh semangat keislaman oleh setengah-setengah tokoh negara kita. Dengan sebab tidak adanya susunan rancangan yang bersungguh-sungguh itulah timbulnya keadaan tidak ketenteraman di dalam penyusunan, iaitu:

(1) Sekolah-sekolah Ugama Islam di seluruh negara;

(2) Kedudukan matlamat pelajaran ugama Islam di sekolah-sekolah Kerajaan;

(3) Taraf dan kedudukan ketua-ketua pentadbiran ugama seperti Khadi-khadi dan Guru-guru Ugama; dan

(4) Gerakan Dakwah Islam.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara mencapai kemerdekaan hinggalah sekarang, pertama, sekolah-sekolah ugama rakyat diberi bantuan dengan suatu kadar dan kaedah yang tidak dapat menolong bagi menghidupkan perjalanan sekolah-sekolah itu sendiri, jauh sekali daripada dapat menambahkan kemajuannya. Kadar bantuan kepada sekolah-sekolah ugama rakyat ini setahu saya tidak pernah disemak untuk diubahsuaikan dengan kenaikan taraf perbelanjaan hidup di negara ini yang semakin meningkat. Janji-janji untuk memberi bantuan penuh kepada sekolah-sekolah ugama belum pernah dilaksanakan walaupun sudah beberapa orang Menteri-menteri Pelajaran bertukar tangan. Akibat dari cara perlaksanaan acu tak acu inilah menyebabkan satu demi satu sekolah-sekolah ugama rakyat yang dhaif terpaksa tutup pintu mati tanpa berkubur.

Kedua, kedudukan pengajaran ugama Islam di sekolah-sekolah Kerajaan pula berada di dalam keadaan serba kekurangan. Guru-guru ugama tidak cukup, masa dan sukatan pelajarannya berada dalam keadaan ke langit tak sampai, ke bumi tak terpijak sehingga murid-murid tidak begitu berminat dengan disebabkan tidak dijadikan salah satu matapelajaran yang wajib yang boleh membantu kelulusan mereka di dalam peperiksaan sungguhpun boleh dibuat jika sekiranya dikehendaki oleh murid-murid.

Ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan sekolah-sekolah ugama rakyat dan keadaan pelajaran ugama di sekolah-sekolah Kerajaan sehingga ini boleh dianggap sebagai belum mendapat perhatian yang wajar dari pihak Kerajaan, pada halnya dua faktor pendidikan ugama yang luas ini merupakan unsur-unsur hidup yang boleh menuju kepada pembentukan masyarakat yang berdisiplin sesuai dengan falsafah Rukunegara kita.

Ketiga, Undang-undang Syariah. Sungguhpun perkara ini ialah kuasa Kerajaan tetapi peri terdapatnya kepincangan undang-undang ini telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara kita baru-baru ini. Mungkin banyak lagi kepincangan dan keadaan-keadaan yang tidak selaras di antara undang-undang yang dipakai di tiap-tiap negeri itu yang mana sepatutnya pihak Kementerian Undang-undang membuat satu panduan untuk dijadikan asas pembaharuan Undang-undang Syariah di seluruh negeri di Malaysia ini. Saya rasa Kementerian Undang-undang boleh berbuat demikian jika ia mahu kerana semua pegawai Undang-undang yang menjadi Penasihat Undang-undang di tiap-tiap negeri adalah orang-orangnya belaka, malangnya kerana pembentukan Undang-undang Syariah di tiap-tiap negeri itu tidak diberi perhatian yang wajar dari semangat keugamaan yang luhur oleh Kerajaan Pusat, maka kedudukan khadi-khadi dan pegawai-pegawai pentadbiran ugama di peringkat negeri tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dari kaca mata perundangan.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara dakwah Islam pula kita dapat dengan berbagai-bagai pertubuhan yang timbul. Satu badan dakwah baru yang dinamakan Yayasan Dakwah telahpun ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tidaklah saya ketahui dengan jelasnya berapa banyakkah anggaran bantuan Kerajaan yang diuntukkan kepada Yayasan Dakwah sehingga sukar hendak dikesankan bentuk aktiviti dan kemajuan perjalanan untuk dinikmati oleh hasrat perkembangan Islam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apabila disebut masaalah ugama, jawapan yang kita akan terima ialah hak Raja-raja yang tidak boleh disentuh. Saya mempunyai kepercayaan dan keyakinan kiranya satu rancangan yang bersungguh-sungguh dilancarkan oleh Kerajaan bagi faedah kemajuan ugama Islam dan perkembangannya sesuai dengan semangat Perlembagaan dan Rukunegara nescaya diterima baik dan tidak ada sebab bagi pihak Majlis Raja-raja menghalangnya, kerana dengan demikian itu juga boleh mengharumkan nama baik Raja-raja kita sebagai Kepala Ugama di Negeri masing-masing. Keadaan tidak sihat di dalam negara kita pada masa ini adalah ibarat dari kelemahan-kelemahan kita di dalam melaksanakan dasar ugama Islam yang ada di dalam Perlembagaan. Kelemahan perlaksanaan dasar-dasar inilah yang menyebabkan pemuda-pemuda Islam sendiri dipengaruhi oleh penyalahgunaan dadah dan melakukan berbagai-bagai jenayah di dalam kehidupan mereka sehingga kini telah menjadi seperti ibarat satu penyakit cancer kepada Kerajaan dan negaranya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya suka bangkitkan di sini berhubung dengan kejadian tunjuk perasaan pelajar-pelajar di seberang laut terhadap lawatan Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri ke New Zealand dan Australia baru-baru ini. Pada perhatian saya malah satu perkara yang mendukacitakan iaitu bahawa pandangan dan ulasan-ulasan yang dibuat oleh beberapa orang tokoh negara kita sendiri, termasuklah beberapa orang Menteri di dalam kenyataan akhbar-akhbar masing-masing terhadap peristiwa itu nampaknya berlainan dan boleh mengelirukan. Ada Menteri yang memandang berat dan mengulas kejadian itu sebagai serious dan ada pula Menteri yang hanya memandang ringan serta menganggap sepi sahaja. Tetapi bagi saya perkara ini adalah satu perkara serious yang boleh disifatkan satu pukulan hebat terhadap imej Perdana Menteri kita dan nama baik negara kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dapat saksikan bahawa rakyat negara ini memandang serious dan pihak Kerajaan sendiri tidak seharusnya memandang kejadian itu satu perkara yang kecil, terutama dari sudut kecekapan pegawai-pegawai diplomat kita di seberang laut. Kalau kita memandang ringan sahaja perkara ini seolah-olahnya kita akan membiarkan perbuatan menghasut di luar negeri itu hidup bermaharajalela yang boleh memburukkan nama baik negara khasnya

Perdana Menteri kita. Pada saya masaalah hasutan yang dilakukan oleh badan penuntut Australia dan New Zealand bukanlah perkara baru. Setahu saya telah lama ada gerakan-gerakan yang tidak diingini itu dikalangan pelajar-pelajar Australia. Apakah peranan dan tanggungjawab yang dijalankan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi kita di sana, khasnya Pengarah Bahagian Penuntut di Australia adalah menjadi satu tanda tanya. Kalau hal ini boleh dianggap satu kelemahan dan tidak ada kecekapan pegawai-pegawai diplomat kita di luar negeri sehingga menimbulkan peristiwa yang buruk itu, maka sudah sewajarnyalah perkara ini tidak patut dipandang kecil dan istimewa sekali oleh pihak Kementerian Luar Negeri sendiri.

Kedudukan pegawai-pegawai diplomat kita di negara-negara yang terlibat perlulah dikaji dan disemak, mungkin satu perubahan yang segera dan penyusunan yang lebih cekap dan berdidikasi perlu dijalankan. Dari kejadian-kejadian yang berlaku itu nampaklah betapa perlunya pegawai-pegawai diplomat kita dilantik dari orang-orang yang benar-benar cekap dan dapat dipertanggungjawabkan, yang mana saya rasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Australia baru-baru ini tidaklah kena pada masanya yang mana pada masa itu Kerajaan Australia sendiripun tidak tentu lagi kedudukannya. Kenapakah pihak Kementerian yang berkenaan mengaturkan lawatan Yang Amat Berhormat Tun pada masa itu. Saya harap supaya peristiwa-peristiwa ini tidak akan berlaku lagi.

Kita sentiasa dengar berita tentang kesulitan-kesulitan yang ditanggungkan oleh penuntut-penuntut kita di seberang laut. Berapa banyak anggota rombongan pelawat negeri ini yang melawat ke negeri-negeri luar dihujani dengan pertanyaan-pertanyaan dan aduan-aduan daripada penuntut-penuntut kita yang membayangkan kelemahan pegawai-pegawai kedutaan kita di negeri-negeri yang berkenaan. Sehingga penuntut-penuntut itu kebanyakannya tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku atau dilakukan oleh Kerajaan negara mereka sendiri. Saya menyeru Kementerian Luar Negeri dan juga Kementerian Pelajaran supaya bertindak segera menyusun keseluruhannya kedudukan penuntut-penuntut kita di luar negeri dan hubungannya dengan kedutaan-kedutaan kita supaya mereka tidak menjadi warganegara yang liar terhadap negara serta pemimpin-pemimpin negaranya sendiri.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menarik perhatian Kementerian Luar Negeri tentang hubungan Kementerian Luar dengan Perbendaharaan dan pejabat-pejabat diplomat kita di beberapa buah negara yang maju. Saya pernah dengar sungutan dan perasaan tidak puas hati pegawai-pegawai diplomatik kita itu mengenai satu-satu permintaan berhubung dengan soal kewangan ataupun perbelanjaan bagi kesempurnaan pentadbiran Jabatan Diplomatik kita sentiasa mendapat halangan daripada Perbendaharaan negara. Kelambatan memberi satu-satu keputusan dan arahan boleh melemahkan pentadbiran dan perjalanan Jabatan-jabatan Diplomatik itu. Saya bimbang kalau sikap kejujuran tidak menyeluruh dianuti oleh pegawai-pegawai kita samada di Kementerian Luar Negeri mahupun di Jabatan Perbendaharaan sehingga menyebabkan setengah-setengah Jabatan Diplomat kita di luar negeri menjadi mangsa. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri supaya menjalankan penyiasatan dan penyusunan yang rapi di dalam hal ini untuk menghindarkan anggaran-anggaran yang tidak sihat di kalangan Jabatan-jabatan dan pihak-pihak yang berkenaan. Sekianlah sahaja, terima kasih.

*4.58 ptg.*

**Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut serta dalam perbincangan di atas Ucapan Belanjawan untuk tahun hadapan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengemukakan satu usul yang membuat ketetapan jumlah sekian banyak wang untuk dibelanjakan.

Hampir 18 kali sudah tiap-tiap tahun sejak negara mencapai kemerdekaan bentuk belanjawan yang dikemukakan kepada rakyat telah mendapat sokongan yang memeransangkan daripada rakyat jelata, kerana tiap-tiap kali rakyat mengikuti dasar-dasar dan rupa belanjawan yang dibuat oleh Kerajaan Perikatan dan kemudian pula Kerajaan Barisan Nasional iaitu ikatan yang lebih luas menggabungkan seluruh rakyat yang cintakan perpaduan. Rakyat mengetahui bahawa bentuk dan hasil belanjawan ini adalah

semuanya realistik yang merupakan pembangunan mutlak kepada rakyat dan negara. Di atas susunan inilah saya percaya belanjawan yang hampir memakan belanja $2,000 juta akan membawa perubahan yang bermakna dan mengubah keadaan-keadaan yang kurang baik kepada lebih baik lagi.

Saya juga percaya bahawa belanjawan tahun hadapan ini adalah satu rupa yang dibuat dan disusun dengan begitu rapi oleh pakar-pakar kewangan negara kita setelah meneliti faedah dan rugi, buruk dan baik kesan-kesan perbelanjaan negara di tahun-tahun yang lalu. Umpamanya, wang perbelanjaan yang sia-sia dan tidak menasabah yang menjadi sasaran teguran rakyat itu harus diperhati dan diberhentikan. Sebagai sebuah Kerajaan yang mendengar suara ramai dan diasaskan dengan pungutan suara yang majority, Kerajaan harus menitikberatkan di atas segala teguran-teguran yang datang daripada rakyat dan Kerajaan jangan sekali-kali memekakkan telinga, membisu, melanda terus apa sahaja yang dirancangkan bersikap bahawa belanjawan ini adalah secantik-cantik ataupun sebaik-baik rangkaan yang tidak perlu ditegur lagi.

Kalau ini terjadi maka tentu sekali negara akan menuju kepada kehancuran. Negara kita akan menerima rosotan dan inflasi yang berlaku di seluruh dunia, demikian kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam ucapannya. Ini adalah satu amaran kepada rakyat bahawa kita sudah seharusnya membuat persediaan bukan sahaja di waktu ini dan di masa-masa akan datang, tetapi sebaliknya kita sudah sepatutnya beringat dan bersedia sejak beberapa tahun yang lalu sewaktu negara kita bergembira dengan keadaan-keadaan kewangan yang berlebihan dan di masa akan datang ini kita tidak mahu diri kita semua akan terperangkap kerana khayal dan lupa diri.

Negara kita adalah negara yang genit kalau dibandingkan dengan negara-negara gergasi di sekeliling kita, tetapi kita kaya dengan berbagai-bagai hasil pengeluaran daripada bumi Allah ini. Kita tidak ingin rakyat seluruhnya lupa kepada hakikat sebenarnya. Negara yang kecil seperti Malaysia ini harus mempunyai jiwa yang bukan keterlaluan besarnya tetapi cukup untuk memberitahu dunia bahawa kita sebenarnya masih berkeupayaan sendiri untuk berdiri sama gagah dan setaraf dengan lain-lain negara. Kita kecil, tetapi kita tidak mahu diperkuda ataupun diperalatkan oleh mana-mana bloc dan saya percaya inilah yang menjadi satu asas bagi Kerajaan menyatakan bahawa persediaan kita menghadapi masa yang cemas tidak akan berterusan.

Kita bersyukur kerana sikap realistik Kerajaan terhadap ekonomi dunia yang bergantung sebahagian besar kepada cara-cara bagaimana negara perusahaan merancang dan melaksanakan belanjawan negara dan perancangan ini pula bergantung kepada prestasi ekonomi negara perusahaan. Kita harus mengingatkan Kerajaan dalam tujuan perancangan pembangunan ekonomi negara yang saya faham berpunca kepada beberapa masaalah pokok yang patut difikirkan dengan secara mendalam oleh pemimpin-pemimpin negara hari ini, kerana kalau keadaan yang tidak seimbang berlaku akan meletakkan kita di dalam dilemma yang kelak menggugat. Lima masaalah ini ialah seperti:

(1) Keadaan sosial yang tidak teratur.

(2) Pengeluaran bahan makanan yang tidak setabil dan masaalah pasaran.

(3) Masaalah indastrialisasi dan tenaga manusia.

(4) Pelajaran dan Latihan.

(5) Perkembangan manusia yang terlalu cepat.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan hari ini telah jelas bahawa nasib manusia golongan petani juga yang menjadi berkelas-kelas. Struktur yang disusun mungkin bertujuan hendak membebaskan petani ataupun rakyat kampung daripada satu keadaan masyarakat yang tradisi kepada satu masyarakat yang teguh, pantas dan berkeupayaan. Tetapi golongan-golongan petani di negara kita ini terbahagi kepada beberapa golongan, umpamanya golongan petani yang mempunyai sawah yang dapat mengeluarkan bahan-bahan makanan untuk diri dan keluarganya sendiri serta untuk dagangan yang boleh menjadikan juga dirinya dalam keadaan lumayan.

Golongan petani seperti ini tentulah bertuah kerana mendapat dorongan, pimpinan, panduan daripada dasar Kerajaan kita. Golongan-golongan manusia Melayu yang hidup dalam kampung-kampung bercucuk tanam dengan berbagai-bagai pokok buah-buahan bercampur aduk pula dan tertakluk di bawah kelas pertanian juga. Mereka ini menjadi sebahagian besar tulang belakang Kerajaan tetapi keadaan mereka

sungguh terancam di dalam pendapatan ekonomi mereka. Kalau pekebun-pekebun kecil getah dianggapkan sebagai petani maka golongan ini juga terancam dengan keupayaan mereka dalam ekonomi.

Saya sangat berharap kepada Kerajaan supaya dapat meneliti keadaan yang tidak seimbang ini supaya landasan sosial yang ingin dicipta oleh dasar ekonomi kita dengan perbelanjaan wang pada tahun hadapan ini akan betul-betul teratur dan adil. Kita tidak ingin hendak bersorak gembira kerana adanya pembinaan kilang-kilang beras yang terseregam besar oleh LPN dan itu sudah cukup membuktikan kejayaan kita membela nasib petani-petani. Lagi sekali saya tegaskan bahawa makna petani itu bukan semata-mata mereka yang bersawah ataupun berbendang, tetapi juga termasuk pengeluar buah-buahan, getah dan lain-lain tanaman. Kerajaan menyatakan bahawa semua perhatian diberi kepada semua golongan samada pesawah, penanam buah-buahan, pekebun getah dan lain-lain, tetapi rakyat di kampung berkata bukan semua kami mempunyai tanah sawah. Kami juga dikelaskan sebagai petani, bukan kami mempunyai ladang-ladang besar yang mengeluarkan buah-buahan yang mendatangkan sumber kewangan untuk hidup kami, bukan pula kebun-kebun getah kami yang luas sekangkang kera itu dapat menjamin hidup kami dan menjaminkan masa hadapan anak-anak kami, demikian kata mereka.

Inilah landasan sosial yang dikehendaki mendapat penelitian yang mendalam dan Kerajaan tidak seharusnya berpuas hati dan berbangga di atas segala apa yang cuba hendak dibuat kalau sekiranya penerokaan tidak dibuat di atas segala perbelanjaan kewangan negara di masa yang lalu itu, adakah telah mendapat kejayaan atau memberi kesan kepada perolehan, kepada perubahan masyarakat yang tidak adil kepada satu masyarakyat yang lebih adil. Saya menekankan kepada golongan rakyat di kampung yang mengeluarkan makanan ataupun product seperti buah-buahan yang tidak setabil. Sudahlah penanaman ini tidak seberapa luas, tidak teratur pula. Benih-benih pun tidak baik dan bagaimanakah pula hasil-hasil itu akan mendapat pasaran di kota-kota. Petani-petani mungkin digalak ataupun disumbat dengan semangat bercucuk tanam oleh pegawai-pegawai kita dengan memberi sedikit tunjuk ajar sebagai melepas batuk di tangga sahaja, tetapi setelah petani-petani yang bersemangat dengan Kerajaan yang bersemboyankan Dasar Ekonomi Baru, semangat baru, jiwa baru tanaman baru, segala-galanya baharu, hasil tanaman mereka hanya dapat dijual di kedai-kedai kampung sahaja. Mungkin ada ejensi-ejensi Kerajaan yang datang dengan lori untuk membeli secara borong hasil-hasil tanaman daripada petani-petani kerdil ini, tetapi sekali dua dalam sebulan dengan tidak tentu progrem pula. Kalau hendak disebut susah petani-petani di kampung sehari semalam bercerita pun tidak akan tamat, Allah sahaja yang mengetahui kedudukan ini. Kalau sudah keadaan yang demikian, maka dapatkah petani-petani kita ini menerima hakikat yang Kerajaan berusaha bersungguh-sungguh hendak meindastrialisasikan kononnya bahan-bahan pengeluaran mereka. Saya bertanya balik: bahan-bahan apa yang ada? Cakap di Radio dan di TV bolehlah. Mari pergi ke kampung, lihat bagaimana letih lesu fikiran rakyat yang tertumpu kepada kemahuan hendak hidup hari ini, bukan untuk esok ataupun masa depan tetapi untuk hari ini sahaja. Kepada rakyat di bandar kebanyakan berfikir bagaimana hendak menjimatkan wang untuk membeli rumah-rumah murah, menambahkan rumah untuk anak-anak berteduh di masa hadapan, tetapi kepada rakyat-rakyat di kampung apa yang hendak menjadi bahan sarapan esok pagi, pisang rebus, ubi rebus, itu sahaja yang menjadi masaalah. Pisanglah menjadi bahan pasaran mereka.

Kita telah bercakap dalam Dewan yang mulia ini selama 20 tahun, bercakap hendak membebaskan rakyat di kampung daripada menjunam kepada kehancuran. Saya berseru hari ini kalau tidak ada jalan yang lain patut dibuat untuk memberi perubahan-perubahan yang lebih kepada rakyat di kampung kampung maka kalau rakyat masuk meneroka ke tanah-tanah yang berhampiran dengan kampung mereka samada hutan-hutan simpanan ataupun tanah-tanah Kerajaan, harus hari ini Kerajaan mengambil daya usaha menyukat, beri dan membiarkan mereka menanam tanaman-tanaman yang boleh mendatangkan hasil yang baik dan jadi pula sebagai usaha meindastrialisasi hasil-hasil mereka itu. Kerajaan menitik-beratkan pelajaran anak-anak dan kerana itulah perbelanjaan untuk bidang pelajaran masih merupakan satu anggaran yang terbesar kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran masih merupakan satu aspek yang harus dititik-beratkan kepada rakyat kampung sekalipun Kementerian Pelajaran semenjak sekian lama bermegah dengan pembinaan rumah dan sekolah-sekolah yang kemas dan baik, sekim gaji guru yang diakui terbaik sekali di Tenggara Asia tetapi kalau penilaian dibuat tentang hasil daripada pengorbanan perbelanjaan yang bersungguh-sungguh mengkagumkan Kerajaan kita itu adalah tidak seimbang. Perhatian yang lebih berganda-ganda patut diberi kepada anak-anak kita di kampung-kampung, bagaimana hendak menggunakan sebahagian besar daripada wang peruntukan tahun ini untuk faedah mereka di luar bandar. Kalau 20 tahun yang lalu sehingga sekarang perhatian diberi kepada prestasi kemajuan pelajaran di bandar, di masa-masa hadapan ini perhatian harus diubah kepada pelajaran di luar bandar, mutu pelajaran anak-anak di luar bandar, orang-orang kampung harus diperbaiki dengan segera, dengan apa cara sekalipun. Guru-guru yang berkelayakan harus ditukar ke ulu-ulu, di dalam mana telah berkurun-kurun tidak mendapat perubahan. Peruntukan untuk kemajuan sekolah-sekolah di kampung-kampung jangan disekat-sekat. Rakyat kampung mahu keadilan dan sebab itulah mereka mengundi Barisan Nasional yang bersemboyankan "masyarakat adil". Hanya dengan perubahan yang berani, dengan tidak menghiraukan kepada sesiapa sahaja yang berteriak di bandar-bandar itu dapat memberi satu nafas yang baharu kepada rakyat di kampung. Tidak guna Kerajaan mendirikan bangunan-bangunan yang cantik-cantik di luar bandar yang hanya sekali seumur hidup dalam sejarah sekolah itu, umpamanya, Menteri Pelajaran melawat ataupun Ketua Pengarah Pelajaran datang sewaktu merasmikan pembukaan bangunan kemudian akan terus tinggal membeku, bangunan-bangunan itu atau keadaan-keadaan anak-anak sekolah itu digigit oleh zaman mengeluarkan anak-anak yang kerdil dan perut-perut yang membuncit. Guru-guru di kawasan-kawasan luar bandar harus selalu diberi kursus ataupun ditaklimatkan dengan kehendak-kehendak dasar pelajaran.

Saya kata di sini sudah sampai masanya Menteri Pelajaran harusnya menitik-beratkan keadaan-keadaan yang meruncing yang berlaku dalam bidang pelajaran di sekolah-sekolah di luar bandar. Rakyat akan bangun—rakyat akan bangun tidak lama lagi untuk meminta supaya perubahan-perubahan dasar pelajaran dibuat untuk mengisikan kelaparan pelajaran yang baik bagi anak-anak di luar bandar. Percayalah kata saya ini. Perbelanjaan yang banyak diperuntukan di dalam Dewan ini bukan semata-mata untuk kawasan-kawasan urban sahaja bahkan sebenarnya ialah untuk perkembangan kemajuan sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, beliau menyatakan bagaimana dengan perubahan dan cabaran ekonomi dan kewangan yang mungkin timbul, Kerajaan harus bercermat dan jangan takut kepada mana-mana pihak ataupun tekanan-tekanan yang cuba hendak menggalakkan supaya Kerajaan memboroskan wang dengan membazir akibat kelak akan menjahanamkan ekonomi negara. Kekeciwaan pihak yang tertentu dalam tujuan mereka hendak menjatuhkan Kerajaan samaada dengan cara kekerasan di masa-masa yang lampau akan menguatkan sikap mereka cuba hendak menjahanamkan wang negara melalui kerja-kerja sabotaj dalam rangka ekonomi. Sesuatu tindakan yang kelak akan dibuat oleh Kerajaan hendaklah diteliti supaya jangan ada disebaliknya satu rangka yang dibuat itu oleh golongan-golongan yang anti-nasional dimasukkan ke dalam dasar Kerajaan kita dengan tujuan-tujuan semata-mata hendak menjahanamkan atau meruntuhkan Kerajaan.

Kalau dahulu sewaktu sebelum kita mencapai kemerdekaan, tokoh-tokoh besar penjajah British datang berkhidmat di Malaya ini dan dapat menumpaskan gerakan-gerakan kominis dengan jayanya seumpama mengadakan perkampungan baru, menyekat makanan supaya jangan sampai kepada musuh. Barangkali hari ini dengan kita mempunyai leaders atau pemimpin-pemimpin tempatan yang mempunyai pengalaman yang luas, kita juga harus dapat membasmikan gerakan anti-national, baik di tengah-tengah bandar ataupun dalam hutan. Niat mereka hendak menjatuhkan Kerajaan yang didokongkan oleh rakyat dan begitu juga niat kita ialah hendak mempertahankan Kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat. Kalau mereka bersungguh-sungguh iaitu berpuluh-puluh tahun bermusuhan dengan kita, dengan mereka tidak

sekali-kali mahu mengalah atau berganjak daripada fahaman dan tujuan hendak menjatuhkan Kerajaan yang halal ini, maka sudah tentulah kita mesti bertindak yang lebih tegas supaya rakyat di kampung-kampung yang selalu menjadi matlamat dan sasaran pengganas-pengganas ini akan mempunyai kepercayaan yang tegoh kepada kita. Kita tidak mahu keadaan peperangan dengan kominis atau anasir-anasir jahat ini akan berterusan sehingga puluhan tahun yang mengakibatkan jahanam segala cita-cita pembangunan dalam negara kita untuk zaman anak-anak kita kemudian hari. Saya berseru kepada Kerajaan mari—once and for all—daripada hari ini kita bersungguh-sungguh menghabiskan segala kekuatan, tenaga, keupayaan membasmi anasir-anasir jahat ini sehingga sampai ke akar umbi.

Kita tidak usah berdiplomasi lagi. Kita tidak usah berlembut lagi. Beri senjata dengan secukup-cukupnya, beri latihan dengan sebaik-baiknya kepada rakyat kerdil di kampung-kampung. Manusia ini akan dapat membasmikan kominis, baik di bandar, di kampung ataupun di hutan. Kalau diketahui sesebuah kampung atau di hutan-hutan mana yang ada anasir-anasir kominis datang, samada menyerang atau meminta makanan, maka basmi ataupun habiskan sahaja dengan segala nikat ataupun beri kepercayaan kepada orang-orang kampung- sendiri untuk membuat perhitungan bagaimana hendak menghapuskannya.

Hari ini kejadian-kejadian yang menyebabkan banyak perajurit-perajurit kita yang kita sayangi itu telah terkorban ialah kerana kerjasama dengan rakyat itu tidak menggalakkan. Carilah satu jalan supaya rakyat mahu bekerjasama bersungguh-sungguh dengan Kerajaan dalam gerakan ini. Kalau dahulu rakyat dapat bekerjasama dengan askar-askar penjajah ataupun askar-askar upahan penjajah, polis penjajah mengapa hari ini kita tidak dapat berbuat lebih daripada itu. Perhitungan harus dibuat dan dikaji samada dengan adanya pasukan tentera, polis, tentera wataniah, rela dan kemudian hari ini pula anggota-anggota Rukun Tetangga yang kita megah telah cukup untuk menyakinkan keselamatan dalam negara ini supaya rakyat tidak senentiasa dalam keadaan-keadaan yang resah-gelisah. Saya menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa rakyat sedia akan berkorban bersama-sama dengan Kerajaan hari ini di dalam mencapaikan matlamat keamanan dan keadilan. Rakyat senentiasa mengikut perkembangan kemajuan Kerajaan. Biasanya di kampung-kampung ataupun di luar bandar, rakyat bertanya di atas hasil kempen Buku Hijau. Benarkah kempen ataupun tegasnya matlamat Buku Hijau ini telah mencapai kejayaan. Walhal rakyat di kampung, di luar bandar masih membeli ataupun memakan sayur-sayuran dan cabai-cabai yang dibawa daripada bandar-bandar ke kampung-kampung ataupun orang-orang kampung masih keluar membeli sayur-sayuran di pekan-pekan. Mereka bertanya juga, adakah hanya setakat keupayaan Kerajaan menukar nama Jabatan dengan berbagai-bagai macam nama yang mereka langsung tidak mengerti itu suatu perubahan yang mendatangkan kebaikan kepada mereka. Ini pertanyaan yang dikeluarkan oleh orang-orang di dalam desa dan kampung.

Tuan Yang di-Pertua, kereta-kereta Jabatan Penerangan yang datang ke kampung-kampung hari ini memberitahu tentang dasar Kerajaan yang cergas itu dalam perindastrian, pelaburan ataupun pembangunan ekonomi, tetapi kepada rakyat murba di kampung, yang menjadi tulang belakang pengundi Barisan Nasional yang dapat menubuhkan sebuah Kerajaan yang besar majoriti bertanya: apakah indastri-indastri ataupun pelaburan wang yang banyak dibuat dalam negara ini dapat memberi kesan baik kepada mereka atau tidak. Mereka tetap dengan makanan tradisi mereka iaitu nasi dipatah-patahkan dengan cabai dan belacan dan diselangi dengan nikmat ikan-ikan kering sahaja. Bagaimanapun saya bergembira kerana Kerajaan ataupun Perbendaharaan menyatakan akan mengambil sikap yang lebih longgar terhadap perbelanjaan pembangunan, malah bersedia pula memberi lebih banyak lagi wang untuk projek-projek pembangunan viable dan prodaktif yang boleh mendorongkan pertumbuhan ekonomi dan guna tenaga dan saya tambah—iaitu menggunakan banyak tenaga belia-belia di luar-luar bandar. Di samping kita ingin mencapaikan kemajuan yang pesat dalam bidang perusahaan untuk memberi kerja kepada rakyat, bidang pertanian yang lebih moden dapat mengeluarkan bahan-bahan makanan

yang lebih banyak. Kita juga tidak lupa bahawa negara kecil dan genit kita ini senentiasa menjadi tumpuan mata kuasa-kuasa besar dunia yang senentiasa mencari kesempatan hendak menelan kita. Kewaspadaan kita itu telah seharusnya semata-mata kita menyuarakan dasar berkecuali kita sahaja tetapi persediaan kita untuk pertahanan harus dibuat. Kita mahu lambang kekuatan negara kita untuk kita tanamkan dalam jiwa rakyat, jiwa pemuda-pemuda kita iaitu peluru, beras, bangunan-bangunan kilang, menjadi lambang kepada kita.

Saya menyokong usul ini.

*5.20 ptg.*

**Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul di hadapan kita di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, kerana ini adalah satu Budget yang mendapat sokongan dan pujian rakyat jelata kecuali orang-orang hartawan atau orang-orang yang berniaga buah-buahan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan ada membuat banyak perubahan di atas hasil cukai dan Cukai Pendapatan bagi tahun 1976, tetapi semua pembayar-pembayar cukai rasa sangat kecewa, kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam susunan ucapannya tidak memerhatikan sedikit untuk memikirkan di atas Cukai Pendapatan, adakah sesuai pelepasan (relief) yang diberi sekarang iaitu $2,000 untuk pembayar dan $1,000 untuk isteri. Adakah cukup bagi perbelanjaan untuk suami-isteri di masa sekarang? Dalam perjumpaan saya dengan pengundi-pengundi saya, saya telah dapati semua pembayar-pembayar cukai mengatakan bahawa pelepasan ini patut sangat dinaikkan sebanyak $3,000 untuk pembayar cukai dan $2,000 untuk isteri. Permohonan saya ini bukanlah satu perkara yang baru kerana pelepasan sebanyak ini ada dibenarkan pada beberapa tahun dahulu dan kalau tidak salah saya ini diubahkan kerana pada masa itu nilai wang kita adalah lebih.

Di sini saya mohon izin menyambung ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, there is again much dissatisfaction over the payment of Sales Tax. This has caused the taxpayer a good deal of time and trouble. I know that payment of the Sales Tax has to be done monthly but it is a long and tedious process for the taxpayer who has to wait at the Customs Office before payment could be effected. I would appeal to the Minister to consider affixing stamps of the right denomination to all articles produced by the company under the Sales Tax Regulations. In my opinion, Sir, tailors and basket makers should be exempted from the Sales Tax. My argument is that tailors have their dresses made and sewed by women folks who bring such cuttings home to be sewed during their leisure hours thereby supplementing their income which is often very negligible. It is the same with the basket makers where the baskets are principally made in the houses of the kampung folks in order to supplement their meagre income. I am sure it is the intention of the Government to encourage such cottage industry as another measure to eradicate poverty.

Tuan Yang di-Pertua, with the increase of import tax on imported fruits by 50%, I feel that Government is destroying the livelihood of a good number of fruit dealers and petty hawkers who earn their livelihood by selling cutfruits. I just wonder if it is right to increase the import tax on oranges as they are considered good for health both for young and old by doctors. Besides, it is the traditional custom of the Chinese to consider oranges as fruits of good omen. When visiting patients in hospital or visiting friends or relatives in their homes, it is customary to bring along a few oranges which by itself indicates a compliment to the patient to get well soon or a compliment to the host when they visit a long-lost or a long absent friend with a sign of good luck. Among the Chinese who embrace the Buddhist religion, oranges are offered in their daily prayers and during the Chinese New Year, oranges are very liberally used and they are a "must" in every home. I would, therefore, appeal to the Minister to consider reducing the import tax especially on oranges and to waive all taxes on oranges during the Chinese New Year season.

Sir, I am indeed touched by the statement of Yang Berhormat Menteri Kewangan when he said and I quote:

"The Barisan Nasional Government is fully committed to the creation of a just society; it is fully committed to the programmes of social integration and more equitable distribution of income and opportunities for national unity and progress; it is fully committed to reduce and eventually eradicate poverty amongst all Malaysians irrespective of race; and it is fully committed to restructure Malaysian society in order to correct racial economic imbalances in the context of an expanding economy."

Sir, I hope that this is being truly and properly implemented and that the executives and administrators in the Ministries and Government Departments are fully dedicated to the task of implementing this policy. I hope that all Heads and senior officers in each and every Government and semi-Government Departments, as well as senior officers in all Government agencies, are made fully aware of this Government policy and that in implementing this policy, due regard be given to Clause 8 of Article 153 of the Constitution.

Touching on the Government policy to reduce and eventually eradicate poverty amongst all Malaysians, I would like to draw the attention of the Government to the poor people residing in the new villages. These people had suffered when they were first asked at short notice to leave their homes, their land and crops and heavy household effects to a new environment, bereft of all comfort and amenities as a result of the Emergency before Merdeka. They have ungrudgingly stayed in the atap or plank houses built for them some 30 years ago. Now with their children all grown up, married and having children of their own, the family has expanded and the population in the home has increased so much so that there is hardly any space for the whole family to live in the same old house. Sir, these folks have asked for additional housing lots for their expanding families but to-date, the Government has done nothing to assist them in this matter. Even in some villages, the issuance of the title of the land on which their house has been erected is still in abeyance. The roads and drains of these villages have been neglected and despite requests made by the respective Jawatankuasa Kampung, nothing has been done. In 1973, when Datuk Lee San Choon who was the then Minister of New Villages, visited these villages in Bukit Mertajam, complaints were made to him on the spot and he gave . . . .

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Ahli Yang Berhormat, saya berharap dalam Majlis ini jangan refer kepada seorang Ahli yang lain dengan menggunakan nama.

**Tuan Tan Cheng Bee:** Datuk Lee San Choon gave an outright Grant . . . . . .

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Ahli Yang Berhormat, saya harap dalam Majlis ini jangan refer kepada seseorang Ahli Yang Berhormat yang lain dengan menggunakan namanya—don't refer to another Member by name.

**Tuan Tan Cheng Bee:** Yes, Sir, The then Minister of New Villages gave an outright grant of $50,000 for three new villages, i.e. Berapit New Village, Machang Bubuk New Village and Juru New Village for repairs to their roads and drains. Although I was told that this money was forwarded to the State Government of Penang, it is a mystery as to how this money was handled and by whom, because many queries were raised during the J.K.K. (Jawatankuasa Kampung Meetings at district and kampung levels, but no one could particularly pinpoint where and how the money was spent and who was responsible for it. I am sorry to say that I feel very little has been done for the new villages—I am talking of new villages in my district of Bukit Mertajam—and notwithstanding what little the Government has done for the village, it is shocking to find that even the payment of a small sum of $50,000 given by the Minister has been spent and misused. The conditions of roads in the villages remain the same, and even in certain villages some portions of the roads have sunk in, especially in the Berapit New Village. I feel, Sir, that if we are to implement the policy to gradually reduce poverty among all Malaysians, I would suggest that these New Villages be given a new lease of life by improving the conditions therein.

The schools in the these New Villages are also being neglected. The school buildings were built out of cheap and light material

when the Government decided to evacuate the people as a result of the Emergency and, after 30 years, I am sure one would not expect the conditions of buildings to be very good. During rains, one can find water seeping into the classrooms. The school in Berapit New Village after much complaints was finally repaired last month. The school in Juru New Village had its roof and awning in one portion of the building blown off by the recent thunder-storm and when requisitions were made for repairs, it was reported by the J.K.R. that they had no more funds to do it. I would urge the Minister of Education to visit these new villages and judge for himself whether these schools in Juru, Berapit, Machang Bubuk and Matang Tinggi New Villages should be replaced or not with new buildings, so that at least such buildings can be compared favourably with any Sekolah Rendah Kebangsaan in other rural areas.

Sir, in times of stringencies like what we are undergoing now, it would be wise for the Government to have co-ordinating officers whose duty would be to co-ordinate among the various Government Departments in respect of work to be carried out. It would normally save much money and time if Departments like the Telecommunications, the L.L.N. (Lembaga Letrik Negara), the Local Government and the J.K.R. draw up a schedule of their work for the year, so that the work to be done in certain areas could be co-ordinated and carried out by all the Departments concerned simultaneously. This would not only save public funds but would not be a nuisance and a matter of disgust to the road users, when one finds the Telecoms changing up a certain portion of the road for work to be carried out by their Department, and after they have cleared up and levelled up the road, then after a fortnight or so, the L.L.N. start to dig up again that same portion of the road for work to be done by its Department.

Lastly, Sir, I would urge the Government to be more cautious in awarding tenders for the construction of Government buildings. Our policy is to help the bumiputras so as to correct the economic imbalance. Here, I would say, I strongly support this move. But such a move should not give cause for complaints and for the J.K.R. to be ridiculed by the public and to be accused of inefficiency or lack of foresight. For instance, Sir, we have in Bukit Mertajam Hospital compound, a project for the construction of a Medical Store for North Malaya costing $4,500,000. The project was started in 1973 and after the trenches for the foundation were dug in, the work stopped for some time. The work was restarted in the middle of 1974 and some concrete work was carried out as a first stage of the foundation along the trenches. Then work again has stopped until today. The concrete trenches are now left there as a monument to the inefficiency and lack of cautiousness of the J.K.R. and the Tender Board of Penang for indiscriminate award of tenders.

Another project is the Telephone Exchange for implementing the dialling system in Bukit Mertajam. The work on this building is now progressing after a lapse of nearly one-and-half years. This was supposed to be completed in 1973, but after putting the first pile for the foundation, it was abandoned until last year when work resumed. I hope the Government would give more care and precaution in the matter of awarding tenders in future. Thank you.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

*5.33 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan dan di samping saya berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, apabila membentangkan ucapan Belanjawan tahun 1976, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa Belanjawan ini akan merupakan satu rancangan ekonomi dan kewangan tahunan bagi negara ini yang cuba melaksanakan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dengan cara yang prektik dan realistik. Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan lagi bahawa beliau akan menentukan semua ejensi Kerajaan berhati-hati dan mengikut disiplin kewangan yang lebih ketat dalam melaksanakan matlamat sosial ekonomi negara. Saya quote ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan:

"Perhatian berat dan teliti patut diberi kepada pengenalan yang betul, persediaan dan perlaksanaan yang cekap terhadap

projek dan rancangan yang menasabah yang boleh memberi faedah secara langsung kepada rakyat yang berpendapatan rendah, terutama sekali penduduk, yang tinggal jauh dari kawasan yang maju di dalam negara kita."

Tuan Yang di-Pertua, tujuan ini sungguh pun baik akan tetapi perkataan-perkataan sahaja tidak mencukupi dan juga tidak memberi makna kepada golongan yang tidak berada dari semua kaum jikalau perkataan-perkataan ini tidak dijadikan tindakan yang bermakna. Apabila membentangkan ucapan Belanjawan 1975, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan pada masa itu, ucapan Belanjawannya itu bukan sahaja merupakan satu plan atas kertas sahaja tetapi sesungguhnya akan melaksanakan objektif Rancangan Malaysia Kedua untuk menghapuskan kemiskinan dan meninggikan pendapatan dan juga peluang pekerjaan bagi semua kaum.

Satu tahun telah lepas semenjak ucapan Belanjawan tahun 1975 dibentangkan, tetapi golongan yang tidak berada dari semua kaum pun belum menikmati kejayaan yang dijanjikan oleh Kerajaan.

(*Dengan izin*) Tuan Speaker, in his introduction to the 1976 Budget, the Honourable the Finance Minister spoke of the Government's success in overcoming the worst of recession and inflation. However, the irony still remains that the people are today still suffering from the agonies of inflation especially the poor and low-income groups who have to spend more than 80% of their income on food and shelter.

The have-nots in the kampongs, estates and new villages, the labourers, the squatters, the taxi drivers, the petty traders and others in the towns are still facing inflation and finding it difficult to survive in view of the high cost of living which includes food and shelter.

Tuan Speaker, I wish to stress here that our nation's economic growth and achievements will only be meaningful and purposeful provided they can see to the improvement in the quality of life of Malaysians of all races. Facts and figures relating to the country's economic growth will only be meaningful if the economic gains have percolated down to all the disadvantaged and not waylaid and siphoned off by the privileged and the affluent strata.

Despite 18 years of Independence, it cannot be denied that there still exists a widening gap between the haves and have-nots and the goal of eradicating poverty is still not in sight and is as remote as ever.

Tuan Speaker, the problem of eradicating poverty in both the urban and rural areas as well as the bridging of the economic gap between the haves and the have-nots must be given the top most attention by the Government, if we are to create a truly just and equal society for all Malaysians.

We are now poised on the launching of the Third Malaysia Plan and we in the DAP would like to urge the Government to make use of this Third Malaysia Plan to wage an all-out war against poverty.

Poverty, whether both in the urban or in the rural areas, poses the greatest challenge to the Government and we call on them to leave no stone unturned in tackling this problem of poverty. And in this connection we would also like to call on the Government to work out a positive strategy to reduce the concentration of wealth and income in the hands of the small percentage of Malaysians so as to ensure that the fruits of our society are equitably distributed, otherwise its constant call of a "Just Society" or Masyarakat Adil will be meaningless to the poor have-nots in our country.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin merujuk kepada Lapuran Ekonomi dari Perbendaharaan Malaysia dan di sini saya ingin merujuk kepada Part V berkenaan dengan Kualiti Kehidupan di Malaysia pada muka surat 113.

Tuan Yang di-Pertua, as I said earlier, the Government's success or otherwise of its development efforts should be measured in terms of the Quality of Life of Malaysians of all races and in this Economic Report for 1975/76 ada menyatakan dan saya quote di sini:

"Kemiskinan adalah perkara yang penting sekali mengenai kualiti kehidupan di kawasan luar bandar. Kira-kira 86.7%

daripada semua isirumah dalam kemiskinan-kemiskinan di Malaysia, adalah terdapat di kawasan luar bandar."

dan juga lapuran ini ada menyatakan dalam muka surat 115:

"Pada tahun 1958, hanya 54 buah kampung dengan 6,551 orang pengguna dapat bekalan letrik di kawasan-kawasan luar bandar. Banci Perumahan tahun 1970, menunjukkan bahawa 69% daripada semua rumah-rumah di kawasan luar bandar tidak mempunyai bekalan letrik. Lampu-lampu minyak masih lagi menjadi suatu sumber yang mustahak untuk menerangi rumah dan 63.6% daripada semua rumah-rumah menggunakannya".

Tuan Speaker, all this which I have quoted points out to the acute problem of rural poverty which must be tackled not in a piecemeal manner but positively through constructive programmes.

Tuan Speaker, the Treasury's Report for 1975/1976 pertaining to the quality of life also made mention of the disparity in the quality of housing between rural and urban areas, and also the problem of overcrowding of private living quarters.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah pembangunan perumahan khasnya rumah yang berharga rendah telah merupakan satu masaalah besar dan serious di dalam negara dan khasnya di bandar Kuala Lumpur memandangkan Kuala Lumpur itu ialah satu tempat tumpuan orang-orang yang bekerja. Mereka yang terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah menghadapi banyak kesukaran untuk mencari tempat tinggal yang sesuai. Kesukaran ini merupakan satu cabaran kepada mereka dan juga mereka tidak mampu membeli rumah daripada pihak swasta oleh kerana harga yang tinggi. Mereka juga menghadapi kesukaran untuk menyewa bilek-bilek di dalam bandar oleh kerana tuan punya selalu menaikkan sewa rumah. Oleh sebab-sebab yang tersebut di atas mereka terpaksa berhubung dengan pihak Dewan Bandaraya untuk memohon rumah pangsa Kerajaan, tetapi mereka diberitahu bahawa rumah pangsa tidak dapat diperuntukkan kepada mereka oleh kerana rumah pangsa tersebut dikehendaki untuk menempatkan semula setinggan-setinggan yang mana tanahnya yang diduduki oleh mereka digunakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itu ialah masaalah atau dalam bahasa Inggeris dilemma yang dihadapi oleh golongan yang berpendapatan rendah di bandar Kuala Lumpur. Oleh kerana keadaan yang tersebut di atas adalah tidak terperanjat bahawa masaalah setinggan muncul di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada keadaan tersebut di atas adalah didapati bahawa perumahan merupakan satu masaalah sosio-ekonomi yang besar dari segi kualiti kehidupan Malaysia. Kami dari pihak D.A.P. ingin menggesa Kerajaan supaya bertindak dengan secepat yang boleh untuk mengatasi masaalah kekurangan rumah berharga rendah diseluruh negara khasnya di bandar Kuala Lumpur. Kerajaan patut melaksanakan satu rancangan rumah-pangsa kilat (crash housing programme) untuk memenuhi keperluan rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pembangunan perumahan harga rendah patut bukan sahaja untuk menempatkan semula setinggan-setinggan di kawasan bandar sahaja tetapi juga untuk memenuhi keperluan golongan yang berpendapatan rendah.

Mr Speaker, in view of the seriousness of the housing problem, we wish to call on the Government to give priority to low-cost housing development under the Third Malaysia Plan, so that with more funds more low-cost houses can be built to meet the needs of the low-income group and not only to meet the needs of the squatters alone in the urban areas.

Tuan Yang di-Pertua, Lapuran Ekonomi dari Perbendaharaan Malaysia juga menyatakan dan saya ingin quote di sini dari muka surat 114:

"Sungguhpun keutamaan telah diberi kepada rancangan-rancangan perumahan murah di dalam Rancangan-rancangan Malaysia Pertama dan Kedua, rancangan-rancangan ini adalah pada amnya untuk menempatkan semula setinggan-setinggan di kawasan bandar. Kenaikan dalam harga-harga tanah dan rumah telah juga menghalang isirumah-isirumah untuk memperolehi rumah-rumah yang lebih baik."

As I said earlier, this is indeed a very serious social economic problem which calls for immediate action by the Government if we are indeed to fight for a meaningful deal for all the poor and the low-income groups in the urban areas.

Tuan Yang di-Pertua, although the Government has announced a revolving fund with an initial grant of $10 million to help the poor to own homes, this is hardly enough to break the back of the acute housing problem for the poor.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang lain mengenai Kualiti Kehidupan Malaysia ialah kualiti kehidupan setinggan yang mem-bayangkan kedudukan kemiskinan di bandar which reflects the position of the problem of urban poverty in the country.

Dalam muka surat 120 di dalam Lapuran Ekonomi 1975-1976 ada menyatakan:

> "Di Wilayah Persekutuan terdapat kira-kira 39 buah kawasan setinggan yang di-duduki oleh lebih kurang 36,000 keluarga. Ini bermakna kira-kira 25% daripada jumlah penduduk Wilayah Persekutuan adalah terdiri daripada setinggan. Pada puratanya sesebuah keluarga setinggan mengandungi 5.5 orang iaitu lebih tinggi sedikit sahaja daripada purata saiz keluarga nasional yang mengandungi 5.3 orang."

Dan juga di dalam muka surat 121 dalam Lapuran ini ada menyatakan:

> "Kebanyakan kawasan-kawasan se-tinggan ini mengandungi pondok-pondok yang didirikan berhimpit-himpit di antara satu sama lain tanpa mempunyai ataupun jika ada hanyalah terbatas, kemudahan-kemudahan seperti letrik, air paip, longkang, tempat pembuangan sampah dan tandas yang sempurna."

The conditions as elaborated in the Treasury Report which I have just quoted, are indeed very true for most, if not all, squatter areas which presently exist in the Wilayah Persekutuan. Squatters in the Federal Territory today are confronted with lack of basic amenities like piped water and electricity. The sanitary conditions in all these squatter areas are deplorable as they have no proper drainage and refuse disposal and other sanitation facilities. Repeated requests from squatters for such basic amenities to be provided are very often ignored on the ground that no provisions have been made for these squatter areas to improve their living conditions just because they are regarded as an illegal problem. We strongly deplore any attempt by the authorities to regard the problem of squatters as a legal problem and therefore should be dealt with in accordance with the law. Far from it. The squatter problem not only in the Wilayah Persekutuan but also in other parts of the country should be looked upon as a socio-economic problem and not a legal one. Squatters should be treated like any other normal human beings and being so, they are entitled to the normal basic amenities of life. This is where we would like to propose to the Government to embark on a positive and immediate plan to improve the living conditions of all squatter areas in the Federal Territory. With this in mind, all squatter settlements should be provided with sufficient piped water, electricity, drainage, refuse disposal and other sanitation facilities.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin memberi ulasan atas cukai-cukai barang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, while the new tax proposals as announced by the Honourable Finance Minister are generally acceptable, however, they are not all that satisfactory. On indirect taxation, for example, there are two or three new taxes which are unfair and unjustified. One of the revenue measures announced by the Govern-ment is to increase the import duties on a number of categories of luxury and largely non-essential goods. According to the Honourable the Finance Minister, this measure is intended to reduce imports of such items. Tuan Yang di-Pertua, while this move is to be appreciated, however, I observe that not all those items as cited by the Minister for new import duties are really luxury and non-essential. Take, for example, the 50% increase of import duty on fresh fruits such as oranges, apples, pears and grapes.

We in the D.A.P. oppose the above increase which is unfair and unjustified. Now with such a high increase it will put fruits like oranges and apples—as the Member for Bukit Mertajam said earlier—out of the reach of the poor in our country. It must be pointed out that the fruits referred to in the Finance Minister's speech, especially oranges and apples, should not be classified as luxury

items which are meant only for the rich. The poor also buy oranges and apples to visit the sick and for other special ceremonies and occasions. It is certainly not customary for example to go visiting the sick with pineapples and mangoes. By increasing the import duties of these fruits to 50% it will certainly make it difficult and even impossible for the poor to have access to them. And, furthermore, this increase of 50% will also affect the livelihood of the hawkers and petty traders who sell these fruits like oranges and apples, as less and less people can afford to buy them.

Now, while it is appreciated that this new move is to encourage more Malaysians to eat local fruits—buah-buahan tempatan—however, it is unrealistic to impose such a heavy import duty on fruits like those which I have mentioned earlier, which are consumed by a large number of Malaysians, both rich and poor. And even without the new import duties, the present prices of oranges and apples are quite costly.

Tuan Yang di-Pertua, the higher import duties on electrical appliances such as refrigerators, electric cookers, electric iron, etc. will affect the budget of the middle-income group who need to possess them as part of their modern living. In particular, the trading or business community dealing in such items will also be affected.

Tuan Yang di-Pertua, the D.A.P. feels that the increase of Surtax from 4% to 5% is unfair as this will affect the consumers greatly. We have all along advocated that the existing 4% Surtax on imports should be abolished in order to lessen the burden of the consumers. We strongly regret to note that instead of abolishing or even reducing the tax, the Honourable the Finance Minister has now decided to increase it by 1% thus creating more hardship for the consumers.

Tuan Yang di-Pertua, although unemployment remains as one of the most serious socio-economic problems in the country, it is regretted to note that no mention is made of it in the Honourable the Finance Minister's speech. The unemployment problem in our country is still serious and should merit the utmost attention of the Government. According to the Treasury's Economic Report of 1975/1976, it is stated, and I quote:

"The rate of unemployment which stood at almost the same level in 1973 and 1974 (7.3% and 7.2% respectively) is estimated to have increased to 7.4% in 1975. The total labour force (about 35% of the population) is estimated to have increased to 4.23 million compared to 4.16 million in 1974. During the Second Malaysia Plan period, about 592,000 new jobs were created compared to a target of 600,000, thus resulting in a shortfall of 8,000."

Tuan Yang di-Pertua, from the facts and figures given by the Treasury Report, it will be noted that the Government has not been able to create sufficient jobs to cope with the unemployed. As we are now poised for the launching of the Third Malaysia Plan, the Government should give its urgent attention to the problem of job creation to fight unemployment, otherwise more and more social problems will emerge.

Tuan Yang di-Pertua, added to the grave problem of unemployment that we have in our country is the question of retrenchment, atau pembuang kerja, by factories or industries under the guise of recession. Retrenchment poses the biggest worry to Malaysian workers for it means loss of jobs and incomes resulting in hardship for themselves and their families. Workers are always fearful that employers will resort to retrenchment to save labour costs. When retrenchment does take place, workers always find they are at a disadvantage in negotiating for reinstatement from their employers. And although we are told that a Code of Conduct for Industrial Harmony had been drawn up to save jobs in the face of recession and that the Government has appealed to employers not to retrench workers, we have still grave doubts about the efficacy of such measures to help the workers. There have been more than one occasion where employers have not followed in good faith the Code of Conduct for Industrial Harmony, resulting in the retrenchment of workers under the guise of recession. And knowing how seriously retrenchment still theaten the survival of workers, we want to call on the Government to take a serious view of this problem and take the necessary steps to tackle it effectively. In this connection we would also urge the Government to ensure that industries will not make use of recession as an excuse and retrench workers to save labour costs. The Ministry of Labour and Manpower must insist that before any industry embarks on any move to retrench workers, it must first

consult both the Ministry and the workers for discussions on whether such retrenchment can be avoided.

To enable the Government to tackle the problem of retrenchment more effectively, we propose to the Government to set up a Retrenchment Board to regulate and control the retrenchment of workers hit by recession and especially to ensure that industries do not use this as an excuse to save labour costs. The Government should introduce legislation to compel every industry intending to retrench workers because of the effects of recession, to seek the approval of this Retrenchment Board by giving full facts as to why such retrenchment cannot be avoided.

Tuan Speaker, in concluding his Budget Speech, the Finance Minister stated that the Government is still faced with the problem and challenge of achieving National Unity. He said and I quote:

"Our immediate and urgent task is not yet over. Indeed, there is still much to be done. We still have not yet achieved national unity and we are still divided along racial lines in our outlook, attitude and action".

Tuan Speaker, I must congratulate the Honourable the Finance Minister for being so frank in admitting that the Government has still not yet achieved national unity and the nation is still divided along racial lines. This is indeed a very serious development, more so after 18 years of independence. The time has indeed come for the Government to take a deep look at itself to find out why it has not been able to achieve national unity. We in the D.A.P. are very concerned about this development and we wish to call on the Government to take immediate stock of its entire nation-building policies to see where they have gone wrong in achieving national unity and in realising the hopes and aspirations of the people.

In this connection, we also urge the Government to cause a thorough review of its various political, social and economic as well as educational policies and see in what way they have failed to bring about a united Malaysian Malaysia.

We consider this as very essential, Tuan Speaker, so as to enable the Government to find out its mistakes and bring about the required remedies to build a better future for our people and the next generation to come. When concluding the Budget speech the Finance Minister also spoke and here I wish to quote what he said:

"Tugas kita yang paling hampir dan segera belum lagi selesai. Sebenarnya, banyak lagi tugas yang masih perlu dijalankan. Kita belum lagi mencapai perpaduan negara. Kita masih lagi terpisah mengikut garis-garis perkauman dalam sikap, pendirian dan tindakan kita . . . ."

"Kerajaan Barisan Nasional adalah berpegang teguh kepada dasarnya untuk mewujudkan satu masyarakat adil, berpegang teguh kepada progrem menyatupadukan masyarakat dan pengagihan pendapatan yang adil serta peluang berpaduan negara dan kemajuan; ia juga berpegang sepenuhnya kepada tujuan mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum".

Tuan Yang di-Pertua, what has been mentioned in the conclusion of the Budget speech of the Honourable Finance Minister is nothing but sugar-coated words to politicise the Budget speech. The undeniable fact still remains that all talk of a "Just Society" or Masyarakat Adil is only a myth and will remain a myth for a long time to come. For our society can never be just so long as certain communities feel that they do not have an equal stake in this country and so long as the gap between the rich and the poor and between the haves and have-nots is widening day by day.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin merujuk kepada Lapuran Ekonomi dari Perbendaharaan Malaysia:

"Jumlah hutang negara yang belum diselesaikan dianggar bertambah sebanyak 24% mencapai kira-kira $11,224 juta pada tahun 1975 berbanding dengan tambahan 13% dalam tahun 1974."

Hutang negara yang besar ini menurunkan dari hutang dalam negeri yang dianggarkan sebanyak $8,844 juta pada akhir tahun ini dan juga hutang luar negeri yang dianggarkan sebanyak $2,380 juta. Memandangkan hutang

negara yang besar ini yang mana akan ditanggung oleh kita, kami ingin sekali lagi menggesa Kerajaan untuk mengawas berhati-hati bagaimana kewangan orang ramai dibelanjakan dalam Belanjawan Tahun 1976. Di sini kami ingin mencadangkan lagi bahawa Kerajaan patut mengambil langkah-langkah yang jujur untuk menjimatkan perbelanjaan wang orang ramai dan juga menentukan bahawa wang akan dibelanjakan untuk projek-projek pembangunan yang sebenar-benarnya mendatangkan faedah kepada rakyat.

*6.06 ptg.*

**Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan dan menyokong penuh di atas Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia pada 6hb November, 1975 yang lalu dalam mana Anggaran Perbelanjaan, 1976 yang dibentangkan adalah dibuat begitu hati-hati bagi memantapkan kedudukan keutuhan ekonomi negara dalam berbagai bidang.

Apa yang menarik perhatian saya bahawa cukai-cukai ataupun duti-duti yang dikenakan pada keseluruhannya tidaklah begitu terlibat sangat kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Saya juga bersetuju bahawa kebanyakan cukai-cukai itu tertentu kepada mereka yang mempunyai pendapatan yang tinggi kerana yang rendah itu tetap rendah juga pada paras yang mungkin tidak akan melebihi daripada yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, golongan yang berpendapatan rendah ini kebanyakannya adalah terdiri daripada pekebun-pekebun kecil, pekebun-pekebun kelapa, petani, pesawah, pembalak dan nelayan. Kita semua faham sebahagian besar daripada hasil negara ini adalah diperolehi daripada usaha-usaha yang dibuat oleh kebanyakan mereka yang berpendapatan rendah. Mengikut Anggaran Belanjawan yang akan diperolehi daripada duti-duti adalah terlalu tinggi. Mengikutnya, sebahagian daripadanya adalah hasil daripada kelapa sawit, getah, bijih timah dan kebanyakan keuntungan-keuntungan yang tersebut adalah dimiliki oleh pihak-pihak yang tertentu sahaja, tetapi mereka yang mengusahakan terlalu terdesak hidupnya dan dalam pada itupun kita patut mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah dapat mengadakan beberapa stok penimbal harga supaya mereka yang terlibat tidak tertekan hidupnya.

Walau bagaimanapun, saya suka mengesyorkan supaya pihak Kerajaan dapat membuat suatu peraturan khas kepada pekebun-pekebun kelapa pula yang mana jika dihitong panjang pada seekar kebun kelapa pukulrata pendapatannya pada tiap-tiap bulan pula tidaklah melebihi $10 pada seekar dan kebanyakan dari mereka ini adalah yang benar-benar terdesak jika berkehendakkan belanjawan daripada hasil kelapa mereka. Tuan Yang di-Pertua, dalam anggaran yang dikemukakan itu penghasilan negara seperti kita maklum adalah dari petani yang sebahagian besar petani-petani yang miskin dan keadaan kehidupan mereka tetap tidak berubah yang mana tanah pertanian yang diberikan oleh penjajah dahulu seumpama di kawasan pertanian menanam padi pada masa penjajah dahulu dirancangkan setahun sekali, tetapi setelah difikirkan pula perlu untuk meningkat pengeluaran padi digalakkan pula dua kali setahun. Tetapi bekalan perairan tidak memuaskan dan tidak ada pindaan yang dibuat dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada jabatan yang berkenaan dalam usaha-usaha mereka untuk memberikan bekalan air dengan baik. Walaupun usaha-usaha ini begitu menggalakkan tetapi ada di antara tanah-tanah sawah yang dibuat oleh petani-petani ini yang dianggarkan pada musim ini untuk 100-200 ekar telah tidak dapat diusahakan yang mana tanah ini yang dianggotai oleh 50 atau 60 keluarga yang tidak dapat mengusahakan tanahnya dengan sepenuhnya. Usaha-usaha telah juga dibuat oleh petani-petani itu yakni tanah sawah telah dibersih, semai telah disediakan, tanah kekurangan air. Maka petani-petani ini menangis di tanahnya sendiri seolah-olah petani ini benar-benar menompang di negaranya sendiri. Apalah harapan untuk keluarga mereka hidup dan apakah pihak berkenaan sekadar melihat dan mendengar sahaja. Oleh itu, saya berharap patutlah diambil tindakan yang sesuai bagi membolehkan mereka ini meneruskan kehidupan untuk keluarganya di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan bekalan air ini adalah berpunca sebahagian besarnya daripada kecuaian dan kelemahan pentadbiran yang berkenaan kerana penyusunan

kerja kurang hati-hati yang mana sebilangan besar taliair di kawasan tersebut terbiar begitu sahaja, kerana tidak dibersih semasa air dibuang, tetapi dibersih semasa air telah dalam. Jadi, penghasilannya kerja itu hanya potong disebelah atas sahaja yang disebelah bawah lumut-lumutnya tetap ada dan mengakibatkan peraliran airnya tidak sederas seperti yang dihajati oleh petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini saya suka mengesyorkan supaya beberapa Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang ada pada satu-satu tempat untuk memajukan petani-petani di satu-satu kawasan hendaklah bekerjasama di antara satu dengan yang lain. Tidaklah satu-satu jabatan itu menyatakan yang dia lebih bijak daripada jabatan yang lain. Tujuannya tidak lain tidak bukan supaya pengeluaran petani-petani dapat dipertimbangkan dari semasa ke semasa. Apa yang saya fahamkan di satu-satu tempat pegawai-pegawai pertanian yang boleh memajukan kawasan-kawasan pertanian ini telah ditempatkan begitu ramai, tetapi ada di antara petani-petani yang berkenaan tidak kenal manakah pegawai pertanian, manakah pegawai pemaju pertanian, manakah pegawai penyelidik pertanian, manakah pegawai juruteknik pertanian. Jadi seolah-olah sia-sialah sahaja perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk melatih pegawai ini dengan begitu mengambil masa yang lama. Dan kebanyakan pegawai-pegawai ini dipilih dengan begitu rapi dan telah menjalani latihan dengan sungguh-sungguh, tetapi bila ditempatkan di satu-satu tempat di luar bandar di kawasan pertanian, mereka bolehlah dikatakan lebih lama duduk di dalam pejabat, ertinya tidak turun ke tempat petani-petani yang sebenarnya. Tetapi mengikut pandangan saya kebanyakan pegawai-pegawai itu telah menjalani latihan dengan sungguh-sungguh di mana penyelidikan yang dibuat di atas tanah sawah atau di ladang menentukan kemahiran mereka untuk menjalankan tugas di masa akan datang. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesyorkan supaya pegawai-pegawai berkenaan patutlah pada satu-satu kawasan ditentukan untuk memajukan kawasan-kawasan khusus kepada seseorang pegawai yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi masaalah-masaalah yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini yang mana ada di antaranya kebanyakannya adalah merupakan satu perkara yang merayu dan memohon kepada pihak pemerintah supaya keadaan petani-petani di luar-luar bandar patut dimajukan dan diusahakan dengan begitu hati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang yang ada ditempatkan di luar-luar bandar yang mana kebanyakan pegawai-pegawainya telah dilatih dengan begitu baik, tetapi ada di antara petani-petani tidak dapat memahami apakah tugas-tugas Lembaga ini untuk memberikan galakan dan pimpinan kepada petani-petani di luar-luar bandar. Kebanyakan pusat-pusat Lembaga Pertubuhan Peladang ini didirikan benar-benar di luar-luar bandar untuk memajukan dan membanyakan hasil pertanian kepada petani-petani.

Berhubung dengan kesihatan pula saya ingin menyentuh sedikit kerana di kawasan saya adalah merupakan kawasan yang diheboh-hebohkan di dalam akhbar menyatakan kawasan yang banyak orang besar, yakni bukanlah orang besar seperti di Kuala Lumpur ini, tetapi kakinya besar—penyakit untut. Yang sebenarnya, apa yang dihebohkan oleh akhbar menyatakan penyakit untut begitu berleluasa di kawasan ini tidaklah sampai 1% pun di kawasan yang tersebut, kerana usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan begitu benar-benar boleh mengurangkan penyakit yang berkenaan. Jadi walau bagaimanapun, pihak saya mengharapkan supaya Kementerian Kesihatan dapat menempatkan seorang doktor bukanlah setiap masa ertinya sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dapat mengadakan rawatan khas ke tempat-tempat yang dianggap masih ada lagi mereka yang menghidapi penyakit untut.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan kawasan saya, kawasan yang begitu terdedah dengan mala-petaka yakni banjir. Kebanyakan di antara kawasan-kawasan ini adalah dikatakan tidak mempunyai perhubungan yang baik, tegasnya hanya mempunyai lorong-lorong yang kecil sahaja dan ada juga jalan yang telah menyambung antara satu tempat ke satu tempat, tetapi agak sukar juga kerana di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain telah diceraikan oleh sebuah sungai yang mana mempunyai feri. Feri ini mengikut kenyataan yang telah dikeluarkan dalam akhbar telahpun ditender empat bulan yang

lalu, tetapi mengikut ceritanya tender ini telah tidak diluluskan telah mengakibatkan menjadi kesukaran perhubungan antara penduduk-penduduk luar bandar hendak ke bandar. Jadi akibatnya jika ada seseorang sakit hendak dibawa ke rumah sakit, ada kemungkinan orang ini akan meninggal dahulu sebelum sampai ke rumah sakit. Perkara ini memang telah terjadi yang mana si pesakit sebaik-baik sahaja sampai di bandar telah meninggal dan tak sempat dibawa ke rumah sakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang begitu berhati-hati dan bersungguh-sungguh bagi membina beberapa buah bangunan-bangunan baharu yang telah diluluskan pada tahun 1972 dan 1973, tetapi saya rasa bangunannya indah tetapi pelajarannya tidak. Ini adalah mengakibatkan kerugian kepada penduduk-penduduk luar bandar yang mana saya perhatikan, kebanyakan daripada cara atau bentuk pengajaran yang berjalan sekarang adalah baik tetapi cara penyampaiannya adalah kurang memuaskan. Saya agak terkejut juga yang mana pada peringkat kanak-kanak yang baharu masuk Darjah I telah diadakan ujian cara objektif. Saya rasa tentulah tidak sesuai kerana kanak-kanak ini belum begitu pandai lagi, huruf pun setengahnya itu tidak kenal, tak usahkan hendak membaca, dikenakan pula cara peperiksaan ujian objektif yakni menggaris-garis. Adakah dasar Kementerian Pelajaran menggalakkan semua sekolah-sekolah mengadakan ujian seumpama ini? Saya rasa patutlah pihak Kementerian Pelajaran dapat menimbangkan semula perkara ini supaya tidak berlaku terus-menerus. Apa yang saya fahamkan pada ujian biasa pada penggal pertama dan penggal kedua anak-anak ini boleh dapat tempat yang begitu tinggi tetapi bila ujian yang akhir ini, penggal ketiga walaupun dia mendapat tempat yang tinggi tetapi hasil markahnya itu jatuh sampai 45% padahal ujian yang pertama dia dapat 80%, ujian kedua dia mendapat 90% tetapi ujian ketiga dia jatuh. Adakah ini memang digalakkan?

Selain daripada itu, kita juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang telah memberikan alat TV dan sebagainya kepada sekolah-sekolah tetapi agak malang. Kebanyakan alat-alat TV ini cuma diletakkan sahaja arealnya di atas sedangkan TVnya tidak ada, ertinya budak-budak ini tidak pernah menengok tayangan gambar TV itu, mana perginya. Bolehkah pihak Kementerian yang berkenaan siasat dan selidek oleh pegawai-pegawai khas.

Mengenai penggunaan wang O.C.A.R. atau Wang Bantuan Kepala yang telah dikeluarkan kepada sekolah-sekolah. Kebanyakan wang ini membeli buku-buku lama—ejaan lama. Jadi Kementerian atau Kerajaan menggalakkan supaya menggunakan ejaan baharu walaupun buku lama itu murah, tetapi sudah berlawanan dengan cara ejaan baharu dengan ejaan yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit berhubung dengan kemudahan asas yang ada di kampung-kampung baru yang mana kebanyakannya langsung tidak ada ditambah dari satu masa ke satu masa bagaimana mula begitulah hari ini. Kalau dahulu jalannya jalan batu lombong, sekarang batu lombong juga. Kalau dahulu longkangnya baik, sekarang tentulah longkang ini pecah dan tidak berganti. Keadaan penduduk-penduduk di kawasan ini, saya rasa begitu terdesak yang mana kalau diibaratkan tentulah makin lama makin besar, maka bilangan keluarga yang ada di kampung baharu ini bertambah dari satu masa ke satu masa. Oleh yang demikian, saya rasa patutlah pihak yang berkenaan membuat kajian semula menentukan keadaan-keadaan ini supaya seimbang dan mereka tidak hidup berasak-asak dalam satu kawasan.

Kita biasa juga dengar bahawa pada masa yang lalu kebanyakan bekas-bekas S.C. yang telah ditempatkan pada satu-satu kawasan mengikut istilah mereka yang berkenaan S.C. ini ialah "Sisa Kominis"; ertinya mereka ini nasib baik tidak mati. Maklumlah barang sisa, katanya. Jadi, di atas sisa ini mereka minta pembelaan supaya kawasan-kawasan yang ditempatkan mereka itu diberi layanan yang sama seperti kawasan-kawasan yang ada di sekeliling mereka yang mana kebanyakan tanah-tanahnya yang diberikan itu tidak dapat dimajukan terus kerana beberapa hal. Jika kita rundingkan dengan Pejabat Daerah, Pejabat Daerah kata ini masaalah Negeri, bila bawa ke Negeri, dia kata Pusat (Kerajaan Persekutuan), tetapi yang manakah yang betul tidaklah diketahui. Oleh yang demikian, tentulah pihak Kementerian yang berkenaan dapat memberi satu penyelarasan supaya keadaan-keadaan ini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pihak Pasukan Keselamatan iaitu kepada mereka yang akan diberhentikan ini patutlah diberi satu perhatian yang mana latihan-latihan yang telah diberi seperti kejuruteraan, teknik dan sebagainya itu biarlah benar-benar mereka mahir dan benar-benar boleh digunakan ataupun dikeluarkan lesen supaya lesen mereka itu boleh laku dan boleh mereka menjalankan kerja supaya hidup berdikari dengan sendirinya.

Kepada mereka yang diberhentikan dan yang telah berhenti maka kepada balu-balunya diberikanlah tambahan daripada $5,000 kepada $10,000 tetapi kepada mereka yang telah memberi khidmat selama 10 atau 20 tahun tambahan kepada sagu hatinya dapat seperti mula-mula juga. Oleh yang demikian, patutlah diberi perhatian oleh kerana memandangkan keadaan negara, keadaan kenaikan harga barang-barang tentulah mereka ini tidak dapat lama memusingkan ataupun menjalankan kewangan mereka dari satu masa ke satu masa supaya membolehkan mereka hidup dengan baiknya . . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Jumaat, 14hb November, 1975.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*

20185—17-6-76.